

Jilid 1
Bil. 40



Hari Isnin
19hb Disember, 1983

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

Puan Hajjah Habibah binti Abdul Ghani [Ruangan 5201]

PENGUMUMAN TUAN YANG DIPERTUA:

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 5201]

USUL:

Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 5232]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5201]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kewangan [Ruangan 5233]

Rang Undang-undang Bank (Pindaan) [Ruangan 5249]

Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) [Ruangan 5295]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Timbalan Yang Dipertua, DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ LT. KOL (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN (Dilantik).
- „ TUAN AHMAD BIN OTHMAN (Kedah).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).
- „ DATO CHIN KIM YOONG, D.P.C.M., A.M.P., P.P.T. (Perak).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., J.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Johor).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ DATO S. GOVINDARAJ, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI (Pahang).
- „ PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN IBRAHIM *alias* AHMED BIN MAT SAMAN *alias* OTHMAN, B.M.S., A.M.K., P.J.K. (Kedah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).

- Yang Berhormat PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN (Dilantik).
- .. TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik).
- .. TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- .. TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- .. TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- .. DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- .. TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- .. CIK LIM HIANG NAI *alias* LIM SEAN LEAN (Dilantik).
- .. DATO LOH FOOK YEN (Dilantik).
- .. TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- .. TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- .. DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N., (Johor).
- .. DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- .. TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH (Perlis).
- .. TUAN MOHD. YUSOFF KASSIM (Perak).
- .. TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- .. PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH (Dilantik).
- .. TUAN NG AH POI *alias* WONG SIAN CHUAN, P.P.N., J.P. (Melaka).
- .. TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- .. TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- .. DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I. J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. PUAN RAGAYAH BINTI ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- .. PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN (Dilantik).
- .. TUAN SALLEH BIN KASSIM, A.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu).
- .. TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI SHAHAROM BIN MAASOM (Dilantik).
- .. TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).
- .. TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).

Yang Berhormat TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).

- „ DATO WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATO YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU, D.P.M.S. (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Salleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Isnin, 19hb Disember, 1983

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Puan Hajjah Habibah binti Abdul Ghani.

**PENGUMUMAN TUAN
YANG DIPERTUA**

Mengalu-alukan Ahli Baru

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baharu mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli yang baru dipilih itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PELANCONGAN DI PULAU-
PULAU DI MALAYSIA**

1. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian

menyatakan jumlah pulau-pulau yang berada di perairan Malaysia dan berapa yang boleh dimajukan untuk dijadikan perkampungan atau bandar bagi menarik pelancong-pelancong luar negeri untuk datang melawat dan di samping itu bagi mengelakkan pulau-pulau tersebut diduduki oleh negara-negara lain sepertimana yang telah terjadi pada pulau kecil Amboyna (Amboyna Cay) yang sekarang ini diduduki oleh Tentera Vietnam.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang Dipertua, mengikut rekod yang ada sekarang terdapat sejumlah 325 buah pulau di perairan Semenanjung Malaysia dan 248 buah pulau di perairan Sabah dan Sarawak. Daripada jumlah 573 buah pulau ini, didapati 261 buah pulau mempunyai tumbuh-tumbuhan.

Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah membuat beberapa kajian pelan induk pelancongan dalam usaha untuk mengenal tentu kawasan-kawasan yang mempunyai potensi dari segi pelancongan termasuklah pulau-pulau di sekeliling negara ini. Pulau-pulau yang didapati mempunyai potensi untuk dimajukan bagi maksud-maksud pelancongan berjumlah lebih kurang 11 buah. Pulau-pulau yang dimaksudkan itu ialah:

- (i) Pulau Langkawi, Kedah
- (ii) Pulau Pangkor, Perak
- (iii) Pulau Tioman, Pahang

- (iv) Pulau Babi Besar, Pulau Tinggi, Pulau Rawa, Johor
- (v) Pulau Perhentian Besar, Pulau Perhentian Kecil, Pulau Redang, Pulau Rhu dan Pulau Kapas, Terengganu.

Di antara pulau-pulau yang telah saya sebutkan itu, Pulau Rawa, Pulau Tioman, Pulau Pangkor dan Pulau Langkawi adalah tempat-tempat yang sedang membangun dan mempunyai kemudahan-kemudahan pelancongan.

Untuk makluman Yang Berhormat seterusnya, Kerajaan menaruh hasrat untuk memajukan pulau-pulau yang telah dikenal tentukan itu sebagai pusat-pusat pelancongan. Matlamat ini akan tercapai dengan lebih mudah lagi sekiranya kerjasama dan pengibatan pihak swasta diperolehi sepertimana yang telah tercapai di dalam usaha-usaha untuk membangunkan kawasan pelancongan di Tanjong Rhu, Langkawi. Amalan dasar pengswastaan kini telah dipanjangkan kepada bidang pelancongan dan Kerajaan ingin menyaksikan lebih ramai lagi pengusaha-pengusaha swasta tampil ke hadapan untuk mengambil bahagian dalam pembangunan di kawasan-kawasan yang telah ditentukan untuk pembangunan pelancongan.

Saya percaya dengan memajukan sebahagian pulau-pulau yang terdapat di perairan negara kita, kita mungkin dapat mencegah berulangnya kejadian-kejadian seperti yang telah berlaku di Pulau Kecil Amboyna.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya ingin bertanya daripada jumlah 300 lebih pulau-pulau itu berapa banyakkah yang dipunyai oleh Kerajaan dan berapa pula yang dipunyai oleh umum dan yang kedua saya juga ingin tahu sama ada pihak swasta ataupun pihak individu

perseorangan boleh memiliki mana-mana pulau yang ada di perairan Malaysia kita.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang dipertua, saya minta maaf tidak dapat dengar soalan pertama. Tetapi untuk menjawab soalan kedua, soal pemilikan pulau ini tidak timbul. Dalam jawapan saya tadi Yang Berhormat, saya telah pun menegaskan bahawa kita telah bersetuju untuk memanjangkan dasar pengswastaan ini iaitu dalam konteks membangunkan pulau-pulau itu ialah diserahkan kepada sektor swasta yang berminat dan berkemampuan untuk memajukan. Kalau soalan yang pertama Yang Berhormat tadi diulang sekali lagi, Boleh saya menjawabnya.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Soalan pertama tadi, saya ingin tahu jumlah yang dipunyai oleh Kerajaan pulau-pulau yang ada itu dan jumlah yang tidak dipunyai oleh Kerajaan. Dan kedua tadi bolehkah dimiliki pulau-pulau ini oleh individu ataupun mana-mana syarikat swasta.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Bagi soalan bahagian yang pertama, Tuan Yang Dipertua, ialah keseluruhan pulau-pulau ini adalah dimiliki oleh Kerajaan sendiri cuma dalam konteks pemilikan tanah terdapat pulau-pulau yang sudah pun dibangunkan ada hak milik perseorangan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya ingin bertanya tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan daripada jumlah yang telah diterangkan sebanyak 261 pulau ada tumbuh-tumbuhan. Oleh itu saya ingin tahu apakah tumbuh-tumbuhan itu. Adakah tumbuh-tumbuhan yang mendatangkan hasil kepada negara kita umpama kelapa dan sebagainya daripada 261 pulau yang telah dinyatakan tadi?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, saya kurang pasti tetapi saya fikir terdapat di antara tanaman-tanaman yang boleh digunakan untuk kita sendiri.

KERTAS TISU TANDAS BAGI AYAT SUCI AL-QURAN

2. Puan Ragayah binti Ariff minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada tindakan telah diambil oleh Kerajaan kepada pembekal-pembekal yang telah membekalkan kertas yang mengandungi ayat-ayat suci Al-Quran untuk dijadikan kertas tisu tandas, jika ya, nyatakan akan bentuk tindakan yang diambil.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang Dipertua, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, hal ehwal agama merupakan tanggungjawab Kerajaan Negeri masing-masing. Masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat telah diambil tindakan positif oleh Kerajaan Negeri di bawah enakmen Pentadbiran Hukum Syariah.

Dalam pada itu, Kerajaan Persekutuan sedang mengawasi perkara ini dengan teliti dan akan mengambil tindakan sewajarnya di bawah undang-undang yang ada sekarang sekiranya keadaan memerlukan.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan D. P. Vijandran.

Tuan K. Kumaran: Tuan Yang Dipertua, soalan Nombor 3.

PEMBAZIRAN KEWANGAN NEGARA BAGI HARTA KERAJAAN

3. Tuan K. Kumaran (*di bawah S. O. (23) (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa satu daripada sebab

pembaziran kewangan negara ialah disebabkan oleh tidak adanya rekod harta-harta Kerajaan (Government assets) dan jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil untuk membetulkan perkara ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang Dipertua, pada tahun 1978 satu langkah telah diambil untuk mengumpul data-data tentang harta yang dipunyai oleh Kerajaan Pusat. Cara mengumpul dan menyusun data-data itu telah dibuat berperingkat-peringkat sejak tahun itu. Kemudian harta itu telah dinilai. Walau bagaimanapun oleh sebab beberapa masalah yang telah timbul berkaitan harta tersebut sebilangannya belum dinilai. Masalah yang timbul ialah sama ada harta itu adalah harta Kerajaan Pusat atau harta Negeri. Berkaitan dengan harta alih, langkah seperti tersebut di atas belum diambil.

ORANG-ORANG YANG PERGI KE IRAN—TINDAKAN KERAJAAN

4. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tindakan Kerajaan terhadap orang-orang yang pergi ke Iran dan yang telah dipengaruhi oleh sistem Kerajaan Iran yang mana terang-terang bercanggah dengan polisi Kerajaan kita dan nyatakan berapa ramai rakyat Malaysia yang terlibat dan siapakah mereka itu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, setakat ini Kerajaan tidak mengenakan apa-apa sekatan ke atas warganegara Malaysia untuk melawat Iran dan begitu juga sebaliknya bagi rakyat Iran yang ingin melawat negara ini kerana Kerajaan Malaysia mempunyai hubungan diplomatik dengan Kerajaan Iran.

Dalam pada itu, sekiranya lawatan rakyat Malaysia ke negara Iran atau

lain-lain negara asing boleh menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara. Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya mengikut peraturan-peraturan dan undang-undang yang ada sekarang.

Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak bulan Februari 1979, Kerajaan telah mengesan sejumlah kecil rakyat Malaysia yang telah melawat Iran dari 9 rombongan yang berasingan. Kegiatan-kegiatan mereka sedang diawasi oleh Kerajaan pada masa ini.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan. Di sini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, berhubung lawatan-lawatan mereka itu ke Iran, adakah pihak Kerajaan memanggil mereka ini memberi penerangan. Tidakkah cukup layanan yang telah diberi oleh Kerajaan kita terhadap mereka. Umpamanya saya dapat tahu ada salah seorang baru-baru ini iaitu pensyarah dari Universiti Malaya yang hendak pergi ke Iran yang kena tangkap dan seorang lagi mahasiswa Universiti Malaya juga. Sama ada benar atau tidak, saya tidak tahu tetapi apa yang saya dapat tahu mereka ini daripada pihak Universiti memang ada dua orang.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat apakah tindakan-tindakan kepada mereka sebagaimana diterangkan tadi tidakkah dapat kita memberi penerangan yang sepenuhnya kerana Kerajaan pada hari ini memberi segala layanan yang begitu baik kepada rakyat negara kita ini, apa lagi yang mereka hendak terhadap Kerajaan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, sebelum satu-satu tindakan yang tegas diambil maka pihak Kerajaan terpaksa menyasiat dan meneliti dengan sepenuhnya sama ada orang yang berkenaan itu benar-benar berkenaan. Pada masa ini Kerajaan masih menjalankan

penyasiatan dengan sangat teliti dan cermat semoga orang-orang yang berkenaan itu benar-benar dapat kita ambil tindakan yang adil.

Tuan Haji Shahrom bin Maasom: Soalan tambahan. Baru-baru ini disebar di beberapa buah masjid di kawasan Wilayah Persekutuan dan di luar Wilayah Persekutuan risalah yang dikatakan dibawa balik oleh mereka yang balik daripada Iran atau balik daripada menunaikan haji.

Saya ingin tahu adakah Kerajaan menganggap risalah-risalah yang disebarkan itu sebagai risalah haram atau tidak.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana saya kata tadi segala perkara yang berkaitan dengan soalan ini termasuk risalah pastilah dikaji dengan cara mendalam sama ada risalah ini benar-benar menjejaskan keselamatan negara dan ketenteraman awam kita. Apakala suasana ini benar-benar wujud maka banyak tindakan yang kita boleh ambil. Salah satu daripadanya, kita boleh ambil tindakan di bawah Seksyen 298A dan yang kedua kita boleh ambil tindakan di bawah CIPA iaitu pengawalan penerbitan yang datang daripada luar negeri dan ada lagi tindakan-tindakan yang lain yang boleh kita ambil.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Fadzil bin Mahmood.

Tuan Basharon bin Hanapiah: Tuan Yang Dipertua, dengan izin, soalan ke 5.

INSURAN TANAMAN— PENGWUJUDAN

5. **Tuan Basharon bin Hanapiah** (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerian beliau bercadang untuk mewujudkan "Insuran Tanaman" atau "Crop Insurance" supaya dapat

membantu petani-petani jika berlaku sesuatu bencana alam ke atas tanaman mereka.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang Dipertua, suatu kajian telah pun dijalankan oleh Kementerian Pertanian dan hasil dari kajian itu buat masa sekarang ini Kementerian tidak bercadang untuk mewujudkan Insuran Tanaman.

MENARIK BALIK SOALAN NO. 6

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tan Sri C. Selvarajah.

Tan Sri C. Selvarajah: Tuan Yang Dipertua, saya ingin menarik balik soalan No. 6.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormt Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman.

Tuan Basharon bin Hanapiah: Tuan Yang Dipertua, dengan izin, soalan ke 7.

RUMAH KEDIAMAN DI LADANG PERSENDIRIAN—PENYEDIAAN

7. **Tuan Basharon bin Hanapiah** (*Di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Buruh menyatakan sama ada beliau sedar ada tuan-tuan tanah yang mempunyai Estate (Ladang) persendirian mendirikan rumah kediaman di kawasan ladangnya beransur-ansur lepas sebuah sebuah lagi, lama kelamaan seolah menjadi sebuah taman perumahan tanpa mengikut akta mendirikan taman perumahan; jika sedar, apakah langkah beliau akan ambil bagi membasmi kejadian perbuatan seperti tersebut.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, ladang-ladang yang

menyediakan kemudahan perumahan khusus untuk pekerja-pekerja mereka adalah dikehendaki mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Akta Piawai Minimum Perumahan Pekerja 1966 yang sedang dikuatkuasakan oleh Jabatan Buruh di bawah Kementerian saya. Walau bagaimanapun, sekiranya ladang-ladang itu ditukarkan menjadi kawasan perumahan bagi tujuan membina rumah-rumah secara peringkat-peringkat maka undang-undang yang lain adalah terlibat dan perlu dipatuhi.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat itu mempunyai apa-apa maklumat mengenai penyelewengan dalam perkara yang sama, Kementerian saya tidak keberatan untuk menyampaikan maklumat-maklumat itu kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk tindakan yang sewajar.

BANK SIMPANAN NASIONAL— PINJAMAN MEMBELI HARTA

8. **Puan Hajjah Hafsah binti Othman** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk membolehkan penyimpan-penyimpan Bank Simpanan Nasional membuat pinjaman untuk membeli harta dalam atau membuat pinjaman untuk berniaga sepertimana yang dilakukan oleh lain-lain Bank; jika ya, nyatakan bila perkara ini mungkin dijalankan.

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, buat masa ini Kementerian Kewangan tidak ada cadangan untuk mengadakan skim pinjaman yang membolehkan penyimpan-penyimpan Bank Simpanan Nasional membuat pinjaman untuk membeli harta saham atau untuk berniaga sepertimana yang dilakukan oleh lain-lain bank.

KUARI BATU—PERMOHONAN

9. **Tuan Basharon bin Hanapiah** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada sudah

menjadi dasar Kerajaan bahawa setiap permohonan untuk membuka Kuari Batu mesti terlebih dahulu mendapat persetujuan dari Kementerian Alam Sekitar dan tanpa persetujuan tersebut, lesen tidak akan dikeluarkan; jika ya, nyatakan sama ada Batu kepunyaan Yayasan UMW di Gurun Kedah telah mendapat persetujuan tersebut.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang Dipertua, dengan izin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tiada mempunyai dasar bahawa setiap permohonan untuk membuka Kuari Batu mesti terlebih dahulu mendapat persetujuan dari Kementerian berkenaan oleh kerana hal-hal yang berkaitan kuari batu dan penggunaan tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri seperti yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Berkenaan dengan permohonan dari pihak Yayasan UMW di Gurun Kedah, pihak berkuasa Kerajaan Negeri yang berkenaan tidak merujukkan perkara itu kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

BILIK DARJAH BAGI SEKOLAH TAMIL

10. Tuan K. Kumaran minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah Bilik darjah bagi sekolah Tamil yang akan dibina dalam tahun 1984 dan 1985 dan kos pembinaan bilik-bilik darjah itu dan nyatakan juga sama ada Kementerian sedang menimbang kemungkinan membina bilik darjah kos rendah dengan kemudahan fizikal yang minima.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut perancangan asal Kementerian Pelajaran sejumlah

91 buah bilik darjah dalam tahun 1984 dan 186 bilik darjah lagi dalam tahun 1985 akan dibina bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) seluruh negara dengan anggaran kos sebanyak \$30,000 bagi sesebuah bilik darjah. Akan tetapi sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam keadaan ekonomi sekarang kerajaan telah mengarahkan supaya projek-projek yang belum diikat kontrak ditangguhkan pelaksanaannya.

Yang demikian, pembinaan bilik darjah bagi semua jenis aliran sekolah yang dirancang pembinaannya dalam tahun 1984 dan 1985 tidak dapat dilancarkan. Dalam hal ini Kementerian Pelajaran telah pun mengambil langkah-langkah contingency dengan melancarkan pembinaan bilik-bilik darjah sementara melalui projek kilat bagi memastikan bahawa jumlah bilik darjah adalah mencukupi di sekolah-sekolah rendah.

Pembinaan projek kilat tersebut juga merupakan usaha Kementerian Pelajaran untuk mengurangkan kos pembinaan bilik darjah di samping memastikan bahawa kemudahan fizikal yang minima dapat disediakan bagi keperluan persekolahan dalam tahun 1984.

Bagi keperluan tahun 1985 pula, langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Pelajaran bergantung kepada peruntukan yang mencukupi yang diperolehi dan pembinaan bilik-bilik darjah bagi keperluan tahun 1985 akan dimulakan pada awal tahun 1984.

PULAU TERUMBU LAYANG— LAYANG

11. Tuan Jaafar bin Harun minta Menteri Luar Negeri menyatakan perkembangan pada Pulau Terumbu Layang-layang kepunyaan Malaysia yang telah diduduki oleh Vietnam dan

nyatakan sebab-sebab pencerobohan itu dan apakah pula tindakan seterusnya yang diambil oleh Kerajaan kita.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang Dipertua, saya ingin memohon maaf sekali lagi, ingin menyatakan bahawa jawapan kepada soalan itu sudah pun diberi di dalam Dewan yang mulia ini pada 6hb Disember, 1983 semasa saya menjawab soalan dari Yang Berhormat Senator, K. Kumaran.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Kee Yong Wee.

Tuan Loo Swee Mok: Tuan Yang Dipertua, dengan izin, soalan yang ke 12.

SOGOSHOSA—SYARIKAT PERDAGANGAN

12. Tuan Loo Swee Mok (*di bawah (S. O. 23 (2))*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kemajuan yang dicapai oleh beberapa buah "Sogoshose" Malaysia sejak ditubuhkan dan nyatakan masalah-masalah yang dihadapi serta cara-cara untuk mengatasinya.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menggalakkan syarikat perdagangan Sogoshose ini dalam tahun 1980 dengan meminta beberapa syarikat ternama tempatan bekerjasama dan bergabung untuk menubuhkan syarikat perdagangan bentuk tersebut.

Perkembangan dalam penubuhan syarikat seperti ini telah mengambil masa, kerana syarikat-syarikat yang berkenaan perlu terlebih dahulu mengkaji dan meneliti semua faktor-faktor yang berkaitan dengan penubuhan dan operasi syarikat berbentuk ini dan juga mengenalpasti

bidang perniagaan yang akan dijalankan supaya tidak bercanggah dan menjejaskan aktiviti syarikat asal masing-masing. Walau bagaimanapun, kini telah terdapat lima buah syarikat Sogoshosa Malaysia yang ditubuhkan.

Syarikat-syarikat tersebut ialah syarikat Malaysia International Trading Corporation (MITCO), Sime Darby Trading Incorporation Sdn BHD, Malaysia Trans-national Trading Corporation (MTRAC), Malaysia Overseas Investment Corporation, Syarikat PERDAMA Sdn Bhd.

Sungguhpun kelima-lima syarikat tersebut telah berjaya ditubuhkan pada keseluruhannya, mereka hanya berjaya menjalankan operasi masing-masing dalam beberapa bulan yang lalu sahaja.

Berasaskan kepada hakikat ini dan juga kemelesetan ekonomi dunia yang dialami maka adalah terlalu awal untuk mengukur dan menilai setakat manakah kemajuan yang telah tercapai oleh syarikat-syarikat tersebut.

Pada peringkat permulaan ini syarikat-syarikat tersebut memerlukan masa untuk memperkukuhkan kedudukan masing-masing mencari pasaran-pasaran baharu yang berpotensi. Setelah kedudukan mereka kukuh, pasaran-pasaran telah diperolehi dan operasi mereka dapat dijalankan dengan licin dan berkesan, baharulah kemajuan syarikat-syarikat Sogoshosa berkenaan boleh diukur.

Begitu juga mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat tersebut, adalah terlalu awal untuk dikenalpasti dengan jelas, masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka setakat ini.

Walaupun bagaimanapun, yang perlu dititikberatkan oleh mereka sekarang, ialah mereka perlu berusaha untuk mendapatkan keyakinan pekilang-pekilang, pengusaha tempatan ke atas

keupayaan mereka untuk memasarkan keluaran pekilang-pekilang pengusaha tersebut.

Selain daripada itu, mereka perlu juga mendapat maklumat yang lengkap mengenai potensi-potensi pasaran di luar negeri. Satu cara untuk mendapatkan maklumat-maklumat ini ialah dengan cara membuka pejabat-pejabat cawangan masing-masing di luar negeri. Dalam aspek ini pihak Kerajaan sentiasa memberi bantuan melalui Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di luar negeri.

Sementara itu dari segi pemberian insentif oleh pihak Kerajaan pula sebagaimana yang telah ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sempena pelancaran salah sebuah daripada syarikat Sogoshosa Malaysia, pada pertengahan bulan November 1983 yang lalu, pihak Kerajaan akan hanya memberikan insentif-insentif jika syarikat-syarikat tersebut berjaya membuktikan keupayaan mereka untuk mempertingkatkan sektor eksport Malaysia dan di samping itu berjaya mempelbagaikan pasaran eksport Malaysia terutama ke pasaran-pasaran non-traditional.

Ini adalah merupakan intensif secara tidak langsung daripada pihak Kerajaan yang bertujuan supaya syarikat Sogoshosa Malaysia dapat bergerak dengan lebih agresif lagi dan tidak hanya mengharapkan bantuan daripada pihak Kerajaan.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Oleh kerana sistem perniagaan secara Sogoshosa ini merupakan satu sistem yang baharu, yang belum pernah dicuba dengan masak oleh negara-negara yang lain, selain daripada negara Jepun dan juga kita tahu bahawasanya sejak tahun 1980 hingga sekarang ini masih tidak nampak lagi kejayaan-kejayaan yang

nyata dan dapat diperolehi oleh mana-mana Sogoshosa yang telah ditubuhkan. Saya ingin bertanya apakah sebab dan morale di belakangnya kita tubuhkan sebanyak sampai lima buah Sogoshosa dan tidak hanya satu, dua sahaja sebagai percubaan, sebagai pendahuluan untuk kita mencuba setakat mana sistem perniagaan melalui Sogoshosa ini akan berjaya.

Sekarang kita menubuhkan lima dan banyaklah dengar angin-angin cerita mengatakan kesemuanya tidak berjaya dan kita terlampau sangat asyik hendak menubuhkan Sogoshosa dan hasilnya tidak nampak. Soal saya mengapa terlampau banyak sangat ditubuhkan dan tidak hanya satu, dua sahaja sebagai percubaan.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan telah pun menggesa sektor-sektor swasta mengambil langkah untuk menubuhkan Sogoshosa ini semenjak tahun 1980.

Tetapi hanya setakat itu sahajalah iaitu semenjak tahun 1983 sebagaimana saya sebutkan tadi terbukti telah pun dapat dilahirkan lima buah syarikat Sogoshosa dan sebagaimana yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat kenapakah hanya sudah wujud lima dan tidak dua. Jawabnya inisiatif itu adalah dibuat oleh syarikat-syarikat swasta yang berkenaan. Malahan kita ingin menggalakkan penubuhan syarikat-syarikat Sogoshosa yang lebih banyak dan kita tidak mengatakan setakat ini usaha yang sudah pun dibuat oleh syarikat itu tidak dapat memenuhi hasrat asal kita, telah pun terbukti dalam kes-kes tertentu bahawa syarikat-syarikat Sogoshosa ini telah pun berjaya mendapat pasaran-pasaran baharu bagi hasil keluaran kita yang dikelolakan oleh syarikat-syarikat tersebut.

perkara inilah maka pada awal tahun hadapan saya akan mengambil tindakan menyatu-padu usaha-usaha ini digembelngkan dalam satu badan yang penuh bertanggungjawab tentang masalah pengangkutan.

Buat masa ini seperti mana telah saya katakan bahawa ada terdapat 4—5 badan dan jabatan Kerajaan yang bertanggungjawab tentang aspek-aspek pengangkutan awam yang keseluruhannya kalau tidak diselaraskan akan menimbulkan berbagai implikasi yang kurang sihat dan sukalah saya menegaskan bahawa bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan, kita ingin lebih melihat jalan raya ini di penuh oleh bas dan teksi kerana sebuah bas itu boleh membawa 78 penumpang berbanding dengan 4 buah kereta yang mungkin hanya mengandungi 8—7 penumpang sahaja. Jadi dari segi dasar pengangkutan awam haruslah kita memberikan tumpuan dan perhatian kepada pengangkutan awam seperti bas mini yang boleh mengangkut penumpang-penumpang dengan jumlah yang lebih besar berbanding dengan kereta persendirian yang menjadi punca masalah kesesakan lalulintas, ini adalah kereta-kereta persendiriaan yang hanya membawa 2-3 orang penumpang sahaja.

HUTANG NEGARA—BAYARAN PERKHIDMATAN

14. Dato' Chin Kim Yoong minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah hutang negara dan jumlah bayaran perkhidmatan (debt servicing) bagi setahun.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, sehingga 30hb September, 1983 hutang Kerajaan Persekutuan berjumlah \$46.7 ribu juta yang terdiri daripada \$15.8 ribu juta hutang luar negeri dan \$30.9 ribu juta hutang dalam negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah bayaran balik pokok dan faedah tahunan adalah sebanyak \$4.1 ribu juta bagi tahun 1982 dan dianggarkan \$4.7 ribu juta bagi tahun 1983.

LOTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT—KEUNTUNGAN DAN PENGGUNAAN

15. Puan Sri Datin Janaki Nahappan minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) bagaimana keuntungan yang diperolehi daripada Loteri Kebajikan Masyarakat dibelanjakan;
- (b) jumlah pendapatan tahunan hasil jualan loteri berkenaan bagi tahun 1982 dan pendapatan yang dijangka bagi tahun 1983; dan
- (c) jumlah wang yang dibelanjakan bagi pemulihan wanita-wanita dan kanak-kanak yang teraniaya.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Dengan izin, Tuan Yang Dipertua, jawapan kepada soalan ini ialah seperti berikut:

- (a) Hasil yang diperolehi dari tiap-tiap cabutan loteri adalah dikreditkan ke dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan.
- (b) Jumlah hasil bersih setelah ditolak cukai yang diperolehi dari jumlah jualan tiket-tiket loteri, 1982 berjumlah \$21,621,320.00. Hasil yang dijangka diperolehi dari jualan tiket-tiket loteri, 1983 ialah \$22 juta.
- (c) Jumlah wang yang dibelanjakan oleh Kementerian ini bagi pemulihan wanita-wanita yang

terdedah kepada bahaya moral ialah seperti berikut:

1981	\$1,354,374
1982	\$1,138,344
1983	\$1,451,765

(Diperuntukkan sahaja)

(d) Jumlah yang dibelanjakan bagi mengawal dan memelihara kebajikan keluarga dan kanak-kanak termasuk kanak-kanak yang teraniaya adalah seperti berikut:

1981	\$22,183,252
1982	\$21,627,168
1983	\$19,246,600

(Diperuntukkan sahaja)

Peruntukan-peruntukan di atas adalah diperolehi daripada Belanja Mengurus Tahunan yang bukannya daripada keuntungan hasil jualan Loteri Kebajikan Masyarakat. Walau bagaimanapun, hasil dari loteri yang dipindahkan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan kepada Kumpulan Wang Amanah juga digunakan untuk pembiayaan aktiviti-aktiviti pemulihan wanita-wanita dan kanak-kanak melalui peruntukan yang diberikan kepada:

- (1) Persatuan Majlis Pusat Kebajikan Malaysia.
- (2) Majlis Kanak-kanak Malaysia.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya berapakah jumlah tiket yang dicetak pada tiap-tiap satu kali jualan. Yang kedua, adakah tiket-tiket yang dicetak itu habis laku semuanya? Yang Ketiga, saya ingin bertanya adakah berlaku penipuan tentang percetakan tiket-tiket loteri itu sebagaimana dahulu kita dengar. Dalam tahun ini adakah kes seperti itu berlaku?

Datuk S. Samy Vellu: Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan soalan

yang pertama ialah lain daripada soalan asal, dan yang kedua jawapan kami ialah serupa sahaja. Kepada soalan yang ketiga, ada juga ini berlaku tetapi kita akan ambil tindakan melalui Polis.

KERAJAAN ALA REPUBLIC ISLAM—MENUKAR CORAK

16. Tuan Haji Mohamed bin Yahya minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap orang-orang yang sedang berusaha untuk menggulingkan Raja-raja dan seterusnya mencari jalan untuk menukar corak dan sistem pentadbiran negara ini kepada satu sistem Kerajaan ala Republik Islam dengan menghapuskan institusi kesultanan; dan sama ada beliau sedar bahawa mereka ini terdiri dari segelintir pemimpin parti Pembangkang, pegawai Kerajaan, pensyarah-pensyarah, bekas pegawai tentera dan pegawai tinggi swasta.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan memang sedar memang ada segelintir rakyat di dalam negara ini yang bercita-cita untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah Republik. Mereka yang melibatkan diri dalam usaha-usaha ini telah pun dikenalpasti dan kegiatan mereka sentiasa diawasi dengan rapi. Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya mengikut undang-undang yang ada apabila kegiatan mereka ini boleh menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara.

HUKUMAN LIFE IMPRISONMENT

17. Tuan Paramjit Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah banduan yang sedang menjalani hukuman seumur hidup "Life Imprisonment" dan sama ada beliau akan menukarkan "Life Imprisonment" kepada "Natural life Imprisonment".

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, suka saya maklum kepada Ahli Yang Berhormat bahawa mengikut rekod yang ada di Kementerian Dalam Negeri, jumlah banduan-banduan yang sedang menjalani hukuman penjara seumur hidup sehingga sekarang ini adalah seperti berikut:

Lelaki	288	orang
Perempuan	9	..
Jumlah	297	..

Kementerian saya setakat ini belum lagi bercadang untuk membuat pertukaran.

BANTUAN KEPADA ORANG TUA MISKIN

18. Tuan Loo Swee Mok minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan sebab-sebab kelambatan membayar bantuan am kepada orang tua miskin pada hujung tahun dan sama ada Kementerian akan mengambil langkah yang positif untuk mengatasi masalah tersebut supaya orang tua miskin tidak putus sara hidup mereka.

Datuk S. Samy Vellu: Tuan Yang Dipertua, dengan izinnya, suka saya menjawab kepada Ahli Yang Berhormat bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am.

Bagi jawapan, Tuan Yang Dipertua, Kementerian Kebajikan Masyarakat mengadakan berbagai jenis bantuan untuk membantu orang-orang yang kurang bernasib baik dari peruntukan Kerajaan Persekutuan. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga mengadakan bantuan am bagi membantu orang-orang miskin di tiap-tiap negeri. Menurut peraturan yang ditetapkan, bantuan mesti dibayar kepada penerima bantuan tiap-tiap bulan di Pusat Pembayaran yang diaturkan atau di rumah penerima bantuan sendiri.

Walau bagaimanapun, kelewatan membayar bantuan jarang berlaku tetapi kadangkala ada juga kes bantuan dibayar lewat sedikit kerana penerima bantuan tidak dapat dikesan semasa pembayaran dijalankan atas satu-satu sebab yang tidak dapat dielakkan.

Pada hujung tahun, pembayaran bantuan am di daerah Temerloh, Kuala Lipis dan Marang di Negeri Pahang didapati lambat sedikit kerana masalah pentadbiran. Walau bagaimanapun, Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang telah mengambil perhatian dalam perkara ini dan langkah-langkah telah pun diambil untuk menggalakkan berlakunya masalah tersebut pada masa hadapan.

Tuan Loo Swee Mok: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya mahu mengemukakan masalah itu adalah mengikut hakikat yang sebenarnya, kerana saya sebagai Ketua Jawatankuasa Kecil Kabajikan Gambang. Dalam kawasan saya, ada 24 orang tua miskin menerima bantuan am dari pihak Jabatan Kebajikan Kuantan. Boleh kata setiap hujung tahun ada dua atau tiga bulan pihak Jabatan Kebajikan Kuantan lambat membayar kepada mereka. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah pihak Kementerian akan menjalankan siasatan tentang kelambatan membayar bantuan am di Jabatan Kuantan? Sungguhpun mereka tidak kebuluran atetapi mereka tidak mempunyai saudaramara maka mereka tidak dapat bantuan dari mana-mana pihak. Nasib mereka amat pilu dan sedih.

Datuk S. Samy Vellu: Tuan Yang Dipertua, saya bersimpati dengan Ahli Yang Berhormat tadi. Walau bagaimanapun Kementerian Kebajikan Am telah mengambil beberapa tindakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu masalah pentadbiran yang disebutkan tadi dalam jawapan saya bahawa saya telah

menerima laporan daripada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang ialah masalah aliran wang tunai atau 'cash flow' yang dihadapi oleh pihak Perbendaharaan di negeri Pahang dan ini telah menjejaskan kelicinan pentadbiran pembayaran. Tetapi apa yang saya dengar daripada Yang Berhormat, saya bersimpati. Saya boleh juga mengarah kepada Kementerian untuk mengambil tindakan seperti apa yang sudah berlaku tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Alexander Lee.

Tuan Haji Latip bin Haji Dris: Tuan Yang Dipertua, dengan izin, soalan No. 19.

DERAF PELAN STRUKTUR KUALA LUMPUR

19. Tuan Haji Latip bin Haji Dris (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah terjadi kepada Deraf Master Plan Bandaraya Kuala Lumpur dan sama ada pihak bandaraya telah menerima apa-apa yang dicadangkan oleh sektor-sektor swasta yang dibuat pada masa public hearings.

Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang Dipertua, Deraf Pelan Struktur Kuala Lumpur adalah di dalam peringkat kelulusan terakhir sebelum ianya diwartakan di bawah Seksyen 9 Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982. Deraf Pelan tersebut telah melalui proses pandangan awam di bawah suatu jawatankuasa bebas yakni Jawatankuasa Mendengar Bantahan Awam dan seterusnya diteliti oleh Lembaga Penasihat Perancangan yang dilantik khas untuk menasihati Menteri Wilayah Persekutuan. Seterusnya Deraf Pelan Struktur ini akan dikemukakan kepada Jumaah Menteri sebelum ianya diwartakan.

Kementerian saya telah meneliti semua cadangan-cadangan yang dikemukakan serta juga laporan Jawatankuasa Mendengar Bantahan Awam dan Lembaga Penasihat Perancangan. Perubahan-perubahan kepada Deraf Plan Struktur ini sudah tentunya mengambilkira atas bantahan-bantahan dan cadangan-cadangan tersebut. Walau bagaimanapun, sejauh mana cadangan-cadangan tersebut diterima hanya boleh diberitahu sesudah Pelan Struktur ini diwartakan.

PENYALAHGUNAAN DADAH MERBAHAYA

20. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan sungguhpun Kerajaan telah memperuntukkan undang-undang dan akta dadah merbahaya dan berbagai iklan sama ada di akhbar, radio, TV dan sebagainya tetapi penyalahgunaan dadah ini makin berkembang dan oleh itu menyatakan langkah-langkah lanjut yang positif yang dapat dijalankan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, tidaklah begitu benar bagi kita mengatakan bahawa kegiatan dadah makin berkembang walaupun Kerajaan telah mengambil langkah-langkah memperketatkan undang-undang dadah dan melancarkan kempen anti dadah secara besar-besaran di seluruh negara mulai 19hb Februari tahun ini. Malahan langkah-langkah yang dilaksanakan bagi memerangi kegiatan haram ini telah membawa kejayaan-kejayaan yang lebih besar berbanding dengan kejayaan-kejayaan yang dicapai bagi tempoh yang sama pada tahun-tahun sebelumnya.

Sejak kempen anti dadah dilancarkan sehingga November, tahun ini, seramai 8,597 orang telah ditangkap di bawah Akta Dadah Merbahaya 1952 berbanding dengan

tangkapan seramai 8,238 orang bagi tempoh yang sama pada tahun lalu. Dari jumlah ini 283 orang ialah pengedar-pengedar, manakala pada tahun lalu seramai 194 orang pengedar sahaja telah ditangkap. Ini merupakan pertambahan sebanyak 45.9%. Rampasan-rampasan dadah juga telah bertambah; hercin 139.15 kilo, candu mentah 87.47 kilo dan candu masak 29.16 kilo. Angka-angka rampasan ini masing-masing merupakan pertambahan sebanyak 182% bagi heroin, 65% bagi candu mentah dan 77% bagi candu masak.

Mengikut risikan yang dibuat langkah-langkah penguatkuasaan yang diperhebatkan secara langsung telah menyebabkan kekurangan bekalan dadah dalam negara. Mutu atau ketulenan dadah telah menurun. Penagih-penagih telah mengubah cara dan tempat menjalankan kegiatan penagihan mereka. Mereka sekarang tidak lagi berkumpul seperti biasa, tetapi sebaliknya mengambil dadah di tempat-tempat sulit dalam kumpulan-kumpulan yang lebih kecil yang dianggotai oleh rakan-rakan yang dipercayai sahaja. Akibatnya mereka yang belum atau baru sahaja menagih tidak dapat menyertai kegiatan mereka.

Kerajaan akan terus memperhebatkan lagi usaha-usaha memerangi kegiatan dadah di negara ini dalam semua bidang. Kajian-kajian yang teliti sedang dijalankan untuk menentukan kemungkinan mengadakan peruntukan undang-undang untuk membolehkan hartabenda pengedar-pengedar dadah dirampas serta menggubal satu undang-undang baru mengenai tahanan pencegahan ataupun, dengan izin, "preventive detention" di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan ketua-ketua sendiket ditahan di mana keterangan-keterangan tidak mencukupi bagi mereka dipertuduh di

bawah Akta Dadah Merbahaya 1952. Langkah-langkah penguatkuasaan akan terus diperketatkan di dalam negeri, di pintu-pintu masuk terutama di kawasan-kawasan perbatasan Malaysia/Thailand dengan peningkatan keupayaan mencegah dan membenteras penyeludupan, pengedaran dan penjualan dadah di negara ini.

Kemudahan-kemudahan rawatan dan pemulihan akan ditambah dan diperbaiki lagi supaya lebih ramai penagih-penagih dapat dipulih dengan berkesan. Manakala dalam bidang pendidikan pencegahan dan penerangan Kerajaan akan terus melancar Kempen Anti Dadah bagi menimbulkan kesedaran di kalangan orang ramai dan murid-murid sekolah tentang bahaya penagihan dadah serta menanam sikap membenci dadah. Dalam bidang-bidang ini Kerajaan akan melibatkan semua sektor masyarakat bagi melengkap dan menjayakan usaha-usaha negara memerangi tabiat yang buruk ini.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Semenjak undang-undang yang diluluskan oleh Dewan ini saya suka mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa orangkah setakat ini hukuman mati yang telah diperkenakan kepada pengedar-pengedar dadah selepas daripada undang-undang yang telah kita luluskan itu dilaksanakan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, setakat undang-undang baharu ini belum lagi ada pelaksanaan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu.

SOALAN NO. 21 SUDAH DIJAWAB

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah Fatil bin Che Wan.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang Dipertua, soalan ini telah pun mendapat jawapan yang memuaskan daripada pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan pada 16-12-83 yang lalu, maka dengan itu tidak perlulah mendapat jawapan pada hari ini.

KONSEP PANDANG KE TIMUR

22. Dato' Chin Kim Yoon minta Perdana Menteri menyatakan apa dia sebenarnya konsep pandang ke Timur itu dan sama ada satu garis panduan akan dikeluarkan mengenai perkara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang Dipertua, di bawah konsep Pandang ke Timur kita mengambil negara-negara Timur yang pesat maju sebagai contoh dalam usaha membangunkan Malaysia. Perkara-perkara yang harus menjadi tumpuan perhatian ialah kerajinan dan disiplin bekerja, kesetiaan kepada negara dan perusahaan atau perniagaan di mana pekerja bekerja, keutamaan kepada kumpulan dan tidak diri sendiri, tekanan terhadap daya pengeluaran (productivity) dan mutu yang tinggi (quality), peningkatan kecekapan, pengurangan perbezaan dan perpisahan antara eksekutif dan pekerja, sistem pengurusan yang menitik-beratkan kejayaan jangka panjang dan tidak semata-mata peningkatan dividen atau pendapatan kakitangan dalam jangka masa yang pendek, dan lain-lain lagi yang dipercayai boleh memberi sumbangan kepada kemajuan negara kita.

Pandang ke Timur tidak bermakna meminta-meminta dari orang Timur, atau memindah tanggungjawab terhadap kemajuan Malaysia kepada negara-negara Timur. Tanggungjawab terhadap negara kita adalah tanggungjawab kita dan bukan sesiapa yang lain. Juga Pandang ke Timur tidak

bermakna membeli semua barang atau memberi semua kontrak kepada syarikat-syarikat negara Timur melainkan tawaran mereka adalah terbaik.

Dasar Pandang ke Timur pada masa ini mengandungi 4 program yang utama, iaitu:

- (i) Latihan Perindustrian dan Teknikal bagi warganegara kita;
- (ii) Pengajian Akademik dan Teknikal bagi pelajar-pelajar kita di institusi-institusi di negara-negara yang berkenaan;
- (iii) Didikan bagi eksekutif-eksekutif kita di firma-firma dan institusi-institusi di negara-negara yang berkenaan; dan
- (iv) Penjalinan kerjasama dalam bidang-bidang tertentu di antara institusi-institusi latihan, penyelidikan dan agensi-agensi pelaksana negara kita dengan negara-negara yang berkenaan.

Garis panduan mengenai konsep ini telah dikeluarkan kepada Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan, Badan-badan Berkanun dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan serta Kerajaan-kerajaan Negeri pada 28hb Jun, 1983.

USUL

ATURAN URUSAN MESYUARAT

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang Dipertua, saya ingin mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 13 (2), Dewan ini hendaklah terus menimbang Rang Undang-undang Bank (Pindaan) selepas sahaja Rang Undang-undang Kewangan dibaca kali ketiga dan diluluskan.

Dengan itu, Tuan Yang Dipertua, saya tiada apa-apa yang hendak saya membahaskan dalam Rang Undang-undang ini dan seterusnya menyokong Rang Undang-undang Kewangan 1983.

3.37 *ptg.*

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini. Dalam menyokong Rang Undang-undang ini beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat juga ada membuat beberapa cadangan mengenai percukaian.

Sebelum saya membuat ulasan ke atas cadangan ini, izinkan saya sekali lagi dengan ringkasnya menyentuh mengenai cadangan-cadangan cukai bagi Belanjawan 1984. Sebanyak 30 cadangan cukai telah dikemukakan, terdiri daripada 15 cadangan cukai langsung dan 15 cukai tidak langsung.

Suka saya menegaskan di sini tidak ada cukai baru dikemukakan selain daripada levi ke atas kenderaan yang diluluskan oleh Majlis ini pada 16hb Disember. Kebanyakan daripada cadangan cukai yang dikemukakan adalah mengenai galakan atau ada kaitan dengan galakan cukai. Tindakan ini adalah diambil demi kepentingan rakyat. Kenaikan-kenaikan cukai yang dikemukakan seperti kenaikan cukai ke atas makanan yang diimport itu adalah bertujuan memperbaiki kedudukan imbalan pembayaran negara. Lagi pula cukai ini akan ditanggung oleh mereka yang berpendapatan tinggi.

Tuan Yang Dipertua, sekarang saya ingin menyentuh beberapa perkara yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Saya tidak akan dapat menyentuh satu persatu perkara

yang dibangkitkan oleh tiap-tiap Ahli-ahli itu dan saya akan mengulas secara keseluruhan sahaja. Pertama saya ingin mengulas atas pengecualian cukai ke atas perjalanan ke luar negeri. Nampaknya ada beberapa kekeliruan mengenai perkara ini. Sebelum pindaan dibuat tambang perjalanan ke luar negeri bagi pekerja-pekerja adalah dikecualikan daripada cukai. Nikmat cukai ini tidak terhad kepada pembayar cukai dan keluarganya sahaja tetapi juga kepada orang gaji dan tetamu pembayar cukai. Pengecualian cukai adalah tidak diberi kepada tambang bagi perjalanan dalam negeri. Ini bermakna jika majikan membayar tambang pekerja untuk perjalanan dalam negeri, tambang itu akan dikira sebagai pendapatannya dan akan dikenakan cukai ke atasnya. Tetapi sebaliknya jika pekerja itu diberi tambang ke luar negeri 3 atau 4 kali setahun pun tambang berkenaan tidak akan dikira sebagai pendapatan dan tidak dikenakan cukai.

Dengan pindaan yang dikemukakan yang sedang dibahas di Dewan yang mulia ini, tambang perjalanan dalam negeri sebanyak 3 kali setahun akan dikecualikan daripada cukai. Tambang ke luar negeri akan terus dikecualikan tetapi akan dihadkan kepada satu perjalanan setahun dan kepada pembayar cukai dan keluarganya sahaja. Keluarga di sini hanya termasuk isteri dan anak-anak pembayar cukai sahaja. Dengan pindaan ini adalah diharap lebih banyak lagi majikan yang memberi kemudahan dalam bentuk perjalanan dalam negeri dan dengan itu menggalakkan pelancongan dalam negeri.

Tuan Yang Dipertua, ada juga beberapa Ahli Yang Berhormat menyentuh berkenaan pelepasan cukai pendapatan. Ada yang menyarankan supaya pelepasan ini dikurangkan dan ada pula yang menyarankan supaya ianya ditambahkan lagi. Tuan Yang

Dipertua, sebenarnya pelepasan cukai di negara ini sangatlah tinggi jika dibandingkan dengan pelepasan cukai di negara-negara di rantau ini. Seseorang pembayar cukai itu boleh mendapat sehingga \$13,500 pelepasan cukai. Di samping itu pula pembayar cukai di beri rebate cukai sebanyak \$60 kepadanya sendiri dan \$30 bagi isteri. Pada peringkat di bawah sekali iaitu pembayar cukai pada kadar 6%, \$90 ini adalah sama dengan pelepasan cukai sebanyak \$1,500. Ini bermakna jumlah pelepasan yang dapat dinikmati ialah \$15,000 setahun. Jadi seseorang yang berkahwin yang mempunyai 5 orang anak dan membayar Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan insuran sebanyak \$3,500 setahun akan tidak membayar apa-apa cukai jika pendapatannya tidak melebihi \$15,000 setahun. Kerajaan tidaklah dapat lagi menambahkan pelepasan cukai ini kerana ianya akan menjejaskan hasil Kerajaan daripada punca ini.

Ada Ahli Yang Berhormat menyarankan supaya Kerajaan memberi pelepasan kepada pembayar cukai yang menanggung ibubapa. Tuan Yang Dipertua, sebenarnya pelepasan sebanyak \$1,000 ini sudahpun diberi tetapi pelepasan ini tidak disebut pelepasan untuk menanggung ibubapa tetapi ianya dicampur dengan pelepasan untuk persendirian sebanyak \$5,000 bagi pembayar cukai itu.

Tuan Yang Dipertua, sebenarnya konsep rumah untuk orang tua tidak patut timbul di negara ini. Adalah sudah menjadi tanggungjawab kita semua tidak kira kaum apapun untuk menjaga ibubapa kita. Semasa kita muda mereka menjaga kita dan semasa mereka tua pula dan tidak mampu menjaga diri sendiri, adalah menjadi tanggungjawab kita menjaga mereka. Dalam hal ini peranan Kerajaan tentulah kecil sahaja. Kemahuan untuk menjaga ibubapa mestilah, dengan izin, "internalised" dan tidak dapat dipaksa dari luar.

Tuan Yang Dipertua, saya percaya nilai kehormatan seseorang tua khususnya ibubapa adalah nilai yang teratas sekali dalam masyarakat Malaysia dan saya tidak percaya rakyat Malaysia akan mendapat galakan cukai lagi untuk mengamalkan apa yang telah dikatakan adalah nilai yang teratas sekali di Malaysia.

Berkaitan dengan cukai harta pusaka pula, ada Ahli Yang Berhormat menyarankan supaya cukai ini dihapuskan. Sebenarnya cukai ini tidaklah tinggi di negeri ini dan bagi mereka yang tidak mempunyai harta atau yang mempunyai harta yang nilainya kurang daripada \$600,000, cukai ini tidak dikenakan. Cukai ini pula dikenakan pada kadar yang meningkat. Ini bermakna bagi mereka yang menerima pusaka yang tinggi nilainya akan dikenakan dengan cukai yang lebih tinggi.

Tuan Yang Dipertua, cukai ini adalah dikenakan dengan tujuan untuk membahagikan semula harta-harta yang terkumpul demi untuk keadilan. Cukai ini mempunyai kebaikan dan juga keburukannya. Walau bagaimanapun, cukai ini dapat memainkan perannya sedikit sebanyak bagi membantu hasrat Kerajaan untuk mengurangkan jurang pendapatan di negara ini.

Tuan Yang Dipertua, ada juga Ahli Yang Berhormat yang menyentuh perkara rasuah di kalangan pegawai kastam yang disiarkan dalam akhbar tempatan baru-baru ini. Perkara ini tentulah tidak diingini oleh Kerajaan dan di sebalik itu pula ianya adalah sangat melemahkan semangat pegawai-pegawai kastam yang betul-betul menjalankan tugas dengan berasaskan prinsip "Bersih. Cekap dan Amanah". Tidak semua pegawai kastam itu berasuah. Tuan Yang Dipertua, rasuah boleh berlaku atas beberapa sebab. Di antaranya ialah pentadbiran yang tidak kemas, pegawai-pegawai yang tidak amanah

dan yang tidak kurang pentingnya iaitu rasuah itu boleh berlaku bila ada pemberi rasuah. Bila ada pemberi selalulah ada penerimanya. Kita tidak dapat menghapuskan rasuah sama sekali selagi ada pemberi. Jadi bagi saya soal yang penting dijawab ialah mengapakah timbulnya golongan pemberi ini.

Golongan pemberi ini pula boleh dibahagikan kepada dua kumpulan yang besar iaitu kumpulan yang memberi secara, dengan izin, organised, dan satu kumpulan lagi itu ialah yang tidak organised. Kumpulan yang pertama itu adalah sukar untuk dihapuskan. Mereka ini adalah terdiri daripada kumpulan yang mempunyai segala kemudahan untuk melarikan diri dari membayar cukai. Kumpulan ini akan dapat dihapuskan dengan kerjasama daripada rakyat. Kumpulan kedua itu boleh dihapuskan dengan melicinkan lagi pentadbiran dan juga dengan mengadakan pengawasan pengutipan cukai yang lebih ketat. Kumpulan ini adalah terdiri daripada orang biasa yang tidak mahu membayar cukai kepada Kerajaan tetapi rela membayar kepada pegawai yang bertugas supaya ianya tidak ditaksirkan cukai.

Ahli-ahli Yang Berhormat, jika sekiranya tiap-tiap rakyat dapat membayar cukai ke atas segala barang yang dibawa masuk dari luar negeri itu dengan betul, masalah rasuah itu tidak timbul tetapi malangnya ada ramai orang yang ingin melarikan diri daripada membayar cukai yang cukup. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah mengambil tindakan untuk mengurangkan ataupun menghapuskan cukai ke atas beberapa barang-barang seperti kamera, jam, radio dan sebagainya dengan tujuan untuk menggalakkan perniagaan tempatan barang-barang ini dan juga menghapuskan masalah pelarian cukai bagi barang-barang yang berkenaan.

Tidak berapa lama lagi juga, dengan izin, closed circuit television akan dipasang di tempat-tempat pemeriksaan kastam seperti di Tambak Johor dan di Lapanganterbang Subang. Pemasangan ini adalah diminta sendiri oleh pegawai-pegawai kastam.

Tuan Yang Dipertua, Jabatan Kastam juga telah mengambil beberapa langkah untuk melicinkan lagi pentadbiran kutipan cukai dan juga untuk mengadakan persefahaman yang lebih erat dengan pihak swasta dan Badan Pencegah Rasuah. Baru-baru ini pihak Kastam telah mengadakan satu seminar di Kolej Kastam di Melaka dengan pihak swasta dan juga oleh pihak BPR. Dialog dan seminar seperti ini akan diadakan dari semasa ke semasa demi untuk mempererat lagi perhubungan dengan pihak-pihak yang berkenaan supaya segala salah faham dapat dihapuskan.

Tuan Yang Dipertua, Jabatan Kastam adalah merupakan pengutip hasil yang penting sekali di negara ini. Dalam tahun ini, Jabatan ini dijangka akan mengutip sebanyak \$7000 juta iaitu 44% daripada jumlah hasil cukai negara ini.

Saya percaya jika sekiranya Jabatan ini betul-betul tidak cekap dan berasuah, Kerajaan akan tidak dapat memperolehi hasil yang begitu tinggi daripadanya.

Saya percaya kebanyakan daripada Pegawai Kastam adalah terdiri daripada pegawai yang bersih dan beramanah dan saya percaya dengan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan, kejadian rasuah ini dapat dikurangkan jika tidak dihapuskan sama sekali.

Tuan Yang Dipertua, akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberitahu Dewan ini bahawa

beliau tidak dikenakan cukai perkhidmatan apabila beliau melawat sebuah rumah urut. Sebenarnya kutipan cukai ke atas perusahaan ini adalah sukar sekali terutamanya apabila ianya tidak mempunyai apa-apa lesen. Pihak Kastam akan dapat mengambil tindakan yang tegas dengan mendapat maklumat daripada orangramai.

Dengan itu, saya berharaplah Ahli Yang Berhormat itu dapat memberi maklumat lanjut seperti alamat dan nama rumah urut itu kepada saya atau kepada Ibu Pejabat Kastam supaya tindakan lanjut akan dapat diambil.

Tuan Yang Dipertua, sekali lagi saya ingin ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Kementerian saya telah mengambil ingatan ke atas segala cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan ianya akan dikaji dan sekiranya perlu, tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbulkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 84—

3.53 *ptg.*

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh: Tuan Pengerusi, saya mohon sedikit untuk berucap di dalam Jawatankuasa ini.

Tuan Pengerusi, pertama sekali Rang Undang-undang ini sepanjang yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini, adalah saya merasakan satu perkara yang agak ganjil kerana terdapat dalam Rang Undang-undang ini ialah Rang Undang-undang ini dipinda dalam bahasa Inggeris sahaja sedangkan sebagaimana yang kita semua maklum bahawa dalam persidangan Dewan yang mulia ini, sekalipun Ahli itu hendak bercakap sepatah perkataan dalam bahasa Inggeris perlu meminta izin daripada Tuan Yang Dipertua, tetapi dalam pindaan Rang Undang-undang ini lebih banyak menggunakan bahasa Inggeris.

Saya faham barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab kerana Rang Undang-undang asalnya ialah dalam bahasa Inggeris, tetapi jika kita hendak pinda, barangkali boleh menggunakan bahasa Inggeris dan kita terjemahkan ke Bahasa Kebangsaan di bawahnya supaya menampakkan kepada kita bahawa segala apa undang-undang yang dibuat ataupun yang dipinda sekarang ini menampakkan kita menggunakan Bahasa Kebangsaan.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua saya suka hendak sentuh sedikit mengenai cukai jualan atau cukai tanah yang ada pada masa ini. Saya tidak bermaksud hendak menyentuh atas cukai-cukai itu tetapi cara mengenakan cukai atau mengenakan bayaran cukai di Jabatan Stem dan Jabatan Cukai.

Umpamanya, satu orang memohon hendak pindah milik tanahnya daripada seorang ke satu orang sama ada pindah milik ini dengan cara jualan ataupun dengan cara diberi percuma, umpamanya daripada bapa kepada

anak ataupun daripada bapa saudara kepada anak, maka selepas daripada persetujuan tukar milik ini maka hendaklah dihantar ke Pejabat Setem untuk disetem. Dan biasanya pejabat itu tidak dapat memberitahu serta merta berapakah dia kena bayar cukai, melainkan dia mengarahkan pihak Jabatan Taksir menilaikan dahulu tanahnya itu walaupun Pejabat Tanah telah pun menulis harga tanahnya yang hendak ditukar itu ataupun dijual itu katakanlah \$10,000 tetapi pihak Pejabat Setem tidak mahu menerima ataupun enggan menerima apa yang telah ditulis di Pejabat Tanah. Jadi terpaksa Pejabat Setem memaklumkan kepada pemohon itu supaya ditangguh untuk ia membuat kajian ataupun membuat penilaian sendiri. Selepas dia membuat penilaian sendiri dalam masa seminggu atau sebulan, dua bulankah terpulanglah kepada Jabatan itu maka Jabatan itu akan mengeluarkan sepucuk surat kepada pemohon itu menyatakan pada sekian haribulan, tarikh sekian, tuan hendaklah datang ke Pejabat Setem untuk membayar cukai setem.

Memang dalam borang itu ditulis, "sekiranya tuan tidak datang membayar dalam tempoh dua minggu daripada tarikh surat ini, maka bayaran cukai setemnya akan didenda".

Apa yang berlaku, saya percaya di negeri-negeri lain juga sama barangkali, tetapi ini berlaku di Kelantan; Pejabat Setem itu pun apabila dia dapat taksiran, dia pun tulis sepucuk surat, masukkan dalam sampul, kadang-kadang tidak masuk dalam sampul, dilipatnya sahaja dan diposkan kepada tuan empunya tanahnya. Apakala selepas dua minggu tidak sampai, tuan tanah tidak datang ke Pejabat Setem, tetapi datang pada hari ke 16 umpamanya hendak dibayar, dikatakan tidak boleh lagi, ini kena double, kena denda.

Jadi kebiasaannya surat seperti ini dihantar dengan surat biasa, bukan

dengan Register, AR Register dan sebagainya. Jadi ini ada bersangkutan juga dengan Pejabat Pos.

Kalau alamat dia terang dalam bandar Kota Bharu umpamanya, barangkali surat itu senang sampai tetapi kalau penduduk atau rakyat yang memohon itu tinggal di kampung sedikit, dia cuma beri alamat rumah dia—Lot No . . . (Lot No. itu lot tanah dia), Lot No. so and so, Jalan ini, Kota Bharu, Kelantan. Jadi posmen hendak cari ini pun bukan senang hendak dapat, kalau posmen itu bersungguh cari boleh dapat barangkali, tetapi kalau posmen itu kurang bersungguh sedikit ataupun dia pergi tinggalkan sahaja seperti di sekolah, di kedai kopi atau di mana-mana, jadi surat itu sampai 14 hari baru diterima oleh tuan ampunya permohonan tadi, bila datang hendak bayar cukai setem sudah dikenakan denda, sepatutnya kalau kena bayar \$20, dikenakan denda sampai \$30 atau \$40. Ini satu perkara yang menganiaya kepada rakyat.

Saya minta kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya cara ini mesti diperbaiki. Saya rasa jalan yang paling mudah ikut sahaja apa yang telah ditulis pada masa tanah hendak ditukar (transfer) nama di Pejabat Jajahan, kalau Pejabat Jajahan kata tulis dalam borang pertukaran tanah itu, tanah ini ditolak atau diberi milik kepada si anu; si anu secara pemberian percuma, maka tidak seharusnya cukai setem dikenakan. Kalau tanah ini dijual dengan harga \$150,000, maka patut dikenakan cukai setem, jadi kuasa atau hubungan di antara Pejabat Cukai setem dan pihak Pejabat Tanah, saya harap dapat diselaraskan supaya tidak menimbulkan kemarahan rakyat dalam perkara pertukaran tanah.

Tuan Pengerusi, lagi satu perkara saya terpaksa sebutlah kerana walaupun tidak ada dalam bil ini, tetapi ada kaitannya dengan Kementerian Kewangan, barangkali Kementerian Kewangan lebih maklum, Ahli-ahli

Dewan Negara pun sedia maklum, hari ini kita tengok dalam suratkhbar menyatakan pada 26hb Disember ini sebanyak 600 buah lori akan datang tunjuk perasaan di Parlimen, kerana membantah akan keputusan kita di mana dikenakan \$100 levi kenderaan, yang kita lulus dalam pada minggu lepas. Jadi apa yang saya minta di sini supaya Kementerian berkenaan mencari jalan sebab tunjuk perasaan atau demonstrasi 600 buah lori ini satu perkara yang besar, barangkali kalau betul-betul ini berlaku, daripada Parlimen 600 buah lori, barangkali sampai dekat Jalan Bukit Bintang kalau diatur sebanyak 600 buah lori ini. Saya harap perkara ini tidak berlaku walaupun ada dalam cadangan, terpulanglah kepada kebijaksanaan Kementerian kita. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan menerusi Dewan yang mulia kita ini meluluskan, tetapi saya sudah beri pandangan dalam masa perbahasan itu dan saya minta supaya Kementerian yang berkenaan sewaktu hendak mengadakan peraturan dan sebagainya ini hendaklah berhati-hati supaya apa yang kita putuskan, menjadi undang-undang kepada negara kita ini tidak boleh menyusahkan kepada rakyat kita sendiri. Walaupun kita sedar, kalau boleh rakyat ini satu sen pun tidak mahu bayar cukai, tetapi kita terpaksa kena minta cukai, apa yang difikirkan menasabah.

Hal ini saya timbulkan dengan harapan supaya Kementerian yang berkenaan mengambil langkah segera supaya tindakan demonstrasi sebanyak 600 buah lori khususnya daripada Johor barangkali kerana merekalah yang selalu berulang-alik membawa pasir, batu-bata ke Singapura, barangkali lori-lori daripada negeri sebelah sana dan lori daripada negeri Kelantan ataupun Kedah, Perlis saya nampak tidak masuk dalam demonstrasi ini, kalau dapat Kementerian mencari jalan mengatasi supaya demonstrasi yang berkenaan tidak timbul lagi.

Tuan Pengerusi, itu sahajalah pandangan saya sedikit sebanyak dalam perkara ini dengan harapan supaya apa yang saya suarakan tadi dapat perhatian daripada pihak Kementerian yang berkenaan.

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh yang telah menyentuh di atas beberapa perkara.

Yang Pertama ialah mengenai kegunaan bahasa Inggeris dalam Bil ini. Kementerian akan mengambil ingatan di atas perkara ini dan saya percaya di masa hadapan keadaan ini akan diperbaiki.

Ahli Yang Berhormat itu juga ada membuat beberapa cadangan yang tidak kena-mengena fasal-fasal yang dibahaskan, tetapi adalah cadangan yang baik juga di atas pentadbiran duti setem dan saya percaya Kementerian akan mengambil perhatian di atas cadangan-cadangan itu dan jika boleh akan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat juga menyentuh di atas masalah lori-lori sebanyak 600 buah yang akan berdemonstrasi di Parlimen ini pada 26hb Disember. Tetapi malangnya pada 26hb Disember Parlimen tidak bersidang. Walau bagaimanapun jika Kementerian dapat memorandum daripada Persatuan Lori kita akan memberi pertimbangan yang wajar kepada memorandum itu. Dengan itu, saya ucapkan terima kasih.

Fasal 1 hingga 84 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.10 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bank, 1973 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang Dipertua, cadangan untuk meminda Akta Bank, 1973 ini adalah bertujuan untuk memudah dan melicinkan lagi pindahmilik usaha atau urusan di antara satu bank berlesen dengan satu bank berlesen yang lain di bawah skim penyusunan semula, penyatuan atau percantuman di antara bank-bank tersebut.

Pindaan yang dicadangkan akan juga membolehkan Bank Negara Malaysia menggunakan budibicaranya untuk memberi pengecualian ke atas pinjaman-pinjaman oleh bank kepada perbadanan-perbadanan di mana pengarah-pengarah dan kakitangan bank menganggotai Lembaga Pengarah Perbadanan-perbadanan tersebut tanpa mempunyai kepentingan atas sifat peribadi mereka serta ke atas pinjaman kepada ahli-ahli keluarga yang rapat dengan kakitangan bank tersebut bagi jenis-jenis pinjaman yang tertentu atau dalam keadaan-keadaan yang tertentu.

Tuan Yang Dipertua, Clause 2 Rang Undang-undang tersebut memasukkan satu seksyen baru, iaitu 24A dalam Akta Bank bagi mengadakan satu skim pindahmilik usaha atau urusan di antara satu bank berlesen dengan satu bank berlesen yang lain. Skim ini boleh digunakan oleh cawangan-cawangan bank asing yang bercadang untuk memperbadankan bank-bank mereka sebagai bank tempatan dan juga oleh bank-bank tempatan yang ingin menyusun semula atau menyatakan

bank mereka dengan lain-lain bank. Proses penyatuan penyusunan semula atau proses memperbadankan bank-bank ini menimbulkan beberapa masalah perundangan dan pentadbiran memandangkan bahawa bilangan akaun-akaun penyimpan yang terlibat adalah besar dan juga banyaknya jenis peraturan kontrak yang berbeza yang merupakan tanggungan (contingent) dan tanggungjawab langsung bank-bank tersebut.

Peruntukan baru ini akan membolehkan bank menyusun semula atau memperbadankan banknya dengan lebih mudah dan dalam masa yang lebih singkat lagi. Skim pindahmilik tersebut yang membolehkan pindahmilik semua usaha atau urusan sesuatu bank berlesen kepada satu bank berlesen yang lain memerlukan kelulusan Menteri Kewangan terlebih dahulu dan pengesahan daripada Mahkamah Tinggi. Sebaik sahaja Mahkamah Tinggi mengesahkan skim tersebut, usaha atau urusan bank yang terlibat akan diletakkan kepada bank yang menerima pindahmilik tersebut. Walau bagaimanapun, berhubung dengan pindah milik harta seperti tanah, pindahmilik tersebut hendaklah terlebih dahulu didaftarkan sebelum ianya berkuatkuasa.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang ini adalah juga bertujuan untuk meminda seksyen 26A Akta Bank, 1973. Peruntukan yang sedia ada dalam Akta Bank melarang bank-bank berlesen memberikan pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit kepada pengarah dan kakitangan bank serta ahli keluarga rapat kakitangan bank dan juga kepada perbadanan-perbadanan yang mereka mempunyai kepentingan.

Clause 3 Rang Undang-undang ini membuat pindaan kepada seksyen 26A bagi membolehkan Bank Negara memberi pengecualian dengan atau

tanpa syarat ke atas pinjaman oleh bank-bank kepada perbadanan-perbadanan di mana pengarah dan kakitangan bank menganggotai Lembaga Pengarah Perbadanan-perbadanan tersebut tanpa mempunyai apa-apa kepentingan atas sifat peribadi mereka. Ini adalah bertujuan untuk memberi pengecualian kepada perbadanan-perbadanan, seperti institusi-institusi pembangunan dan lain-lain institusi yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk menggalakkan pembangunan ekonomi, kewangan atau pembangunan perusahaan anak-anak syarikat bank dan syarikat-syarikat sekutu bank, syarikat swasta di mana Kerajaan mempunyai kepentingan serta perbadanan-perbadanan yang mengalami kesulitan kewangan dalam membayar balik pinjaman bank itu. Oleh kerana pengarah-pengarah dan kakitangan-kakitangan bank tidak menganggotai Lembaga Pengarah Perbadanan-perbadanan tersebut atas kepentingan peribadi masing-masing, tetapi adalah dilantik oleh Kerajaan atau bank-bank mereka sendiri untuk memberi khidmat kepakaran, maka perbadanan-perbadanan tersebut seharusnya dibenarkan menerima kemudahan kredit daripada bank-bank berkenaan.

Adalah juga munasabah untuk memberi beberapa pengecualian ke atas larangan yang ketat bagi pinjaman bank kepada ahli-ahli keluarga rapat kakitangan bank. Larangan yang terdapat sekarang bermakna bahawa bank-bank tidak dibenarkan memberi pinjaman. Umpamanya pinjaman perumahan kepada keluarga rapat kakitangan bank tidak dibenarkan pinjaman bank ini. Adalah dipercayai bahawa peraturan ini dibuat bukan bertujuan untuk melarang pinjaman-pinjaman seperti ini, terutamanya kerana pinjaman-pinjaman yang seperti ini pada kebiasaannya adalah terjamin sepenuhnya dan diberi berdasarkan asas-asas perniagaan.

Kementerian Kewangan percaya tujuan sebenarnya adalah untuk melarang pinjaman oleh bank kepada keluarga rapat kakitangan bank yang mempunyai pengaruh dalam pemberian pinjaman tersebut. Kelonggaran yang dicadangkan ini akan membolehkan Bank Negara Malaysia memberi pengecualian ke atas pinjaman-pinjaman kepada ahli keluarga rapat kakitangan bank di mana adalah jelas mereka itu tidak mempunyai kedudukan yang boleh mempengaruhi kelulusan pinjaman-pinjaman tersebut, seperti kakitangan-kakitangan di peringkat bawahan.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bank, 1973 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.19 ptg.

Tuan K. Kumaran: Tuan Yang Dipertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang undang-undang meminda Akta Bank, 1973. Pindaan ini adalah perlu pada masa ini kerana menjaga kepentingan bank dan kepentingan orang ramai yang berurusan dengan bank-bank di negara ini. Pindaan ini juga akan menjaga kestabilan ekonomi negara ini.

Tuan Yang Dipertua, pindaan Rang Undang-undang ini bertujuan memudahkan pindahmilik urusan dan usaha-usaha sesuatu bank yang akan disusun semula menjadi satu bank yang baru. Walaupun ekonomi dunia sedang bertambah baik, kadar faedah bank negara-negara maju masih lagi tinggi. Keadaan ekonomi dan sosial sesebuah

negara memainkan peranan yang besar dalam perjalanan sesebuah bank, oleh yang demikian Rang Undang-undang ini dapat menjaga kepentingan orang ramai di negara ini.

Pindaan ini juga membolehkan Bank Negara mengecualikan dengan syarat ataupun tanpa syarat sesuatu bank berlesen daripada sekatan memberi pendahuluan pinjaman atau kemudahan-kemudahan kredit kepada mana-mana orang. Perkara ini adalah penting bagi negara kita berikutan dengan skandal pinjaman Bumiputera Malaysia Finance di Hong Kong baru-baru ini.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang pinjaman yang begitu banyak diberikan kepada sebuah syarikat tanpa sekuriti yang kukuh. Saya juga mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan atas tindakan Kerajaan untuk menyasat secara terperinci mengenai isu pinjaman ini dan jika perlu akan mengeluarkan satu kertas putih. Pada ketika ini rakyat Malaysia tidak dapat mengetahui siapa yang terlibat dalam skandal BMF ini. Jumlah pinjaman dari BMF kepada umpulan-kumpulan Carrian, Cavin dan Eda Holding dan lain-lainnya di Hongkong tidak diketahui.

Pada pengetahuan saya kini cuma \$1.7 billion yang diberikan kepada Kumpulan Carrian di Hongkong telah didedahkan. Jumlah sebenarnya mungkin lebih dari \$3 billion. Ini adalah lebih banyak lagi modal telah dibayar, dengan izin, paid up capital bank tersebut. Pinjaman-pinjaman yang diberi ini adalah penuh dengan misteri. Yuran perunding, imbuhan dan lain-lain kemudahan diberi kepada orang-orang terlibat. Adakah ini satu perkara yang amanah? Yuran perunding atau wang imbuhan itu adalah dengan sengaja untuk menyumbangkan perhatian rakyat dari hakikat yang sebenarnya serta yang

lebih penting ialah kehilangan wang lebih daripada \$1.7 billion. Rakyat tidaklah patut lupa mempersoalkan sama ada wang itu boleh didapatkan balik atau tidak dan langkah seterusnya hendaklah diambil untuk membetulkan sebarang kekecuan itu.

Justeru itu saya menyokong langkah Kerajaan menyusun semula serta meluaskan ahli Lembaga Pengarah BMF tetapi penyusunan semula Lembaga Pengarah BMF sahaja tidak mencukupi langkah hendaklah diambil untuk memperkemas jurang luas di dalam sistem laporan dan pengawasan di antara Bank Bumiputera dan anak-anak syarikat bank tersebut termasuk BMF. Lagi sekali saya berpendapat, rakyat berhak diberi tahu dan mengetahui apa yang berlaku. Oleh itu, memang sudah wajarlah kalau isu pinjaman BMF diletakkan di bawah satu Suruhanjaya Di Raja untuk menyasat masalah tersebut atau paling kurang satu kertas putih seperti dijamin oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam Dewan yang mulia ini. Jika terdapat mana-mana pihak yang menyeleweng dari hakikat sebenarnya, tindakan sekeras-kerasnya mestilah diambil ke atas mereka. Sesiapa yang mengkhianat amanah bangsa dan negara mereka mestilah dihukum.

Dengan harapan ini, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-undang Akta Bank 1973.

4.24 ptg.

Tuan Jaafar bin Harun: Tuan Yang Dipertua, saya bangun mohon izin bercakap sepetah dua untuk mengambil bahagian dalam membahaskan satu Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bank 1973 ini.

Tuan Yang Dipertua, pindaan kepada seksyen 24 ialah merupakan satu usaha untuk memperkemas dan memperlicinkan usaha-usaha

Kerajaan menyusun semula dan untuk menyatukan atau mencantumkan di antara satu bank berlesen dengan bank berlesen yang lain. Pindaan ini adalah satu langkah yang perlu dilaksanakan kerana sebagai sebuah negara yang hampir-hampir menjadi negara maju, proses penyusunan semula dan proses percantuman di antara satu bank dengan bank yang lain adalah merupakan satu kegiatan yang lumrah.

Proses percantuman ini, Tuan Yang Dipertua, dan penyusunan semula telah menampakkan kesan yang menarik buat 5 atau 6 tahun yang akhir-akhir ini.

Sebagai satu contoh yang jelas kepada kita ialah Ban Chian Bank itu sebuah bank kecil yang ditubuhkan di Sarawak kini telah menjadi sebuah bank yang maju dan berkembang dengan pesatnya setelah mendapat rakan usaha sama yang besar dari Amerika Syarikat iaitu Morgan Guaranty Trust dan mewujudkan Bank of Commerce Berhad. Jadi jika usaha penyertaan ini tidak dilaksanakan tentulah Ban Chian Bank ini tidak mungkin maju seperti yang ada sekarang.

Selain dari itu Pacific Bank dan Oriental Bank Malaysia Berhad juga telah menampakkan perkembangan yang pesat setelah mendapat usaha sama dengan bank-bank yang terbesar di dunia. Jadi dengan usaha-usaha penyusunan semula bagini maka skop untuk berkembang itu bertambah luas dengan kepakaran dan kemudahan yang lebih luas lagi yang didapati dari usaha sama dengan institusi-institusi bank yang lebih besar lagi.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan khasnya kepada Menteri Kewangan kerana langkah-langkah yang bijak yang telah diambil untuk memperkembangkan bidang banking yang merupakan nadi perkembangan ekonomi rakyat dan negara.

Tuan Yang Dipertua, walau bagaimanapun ada juga beberapa perkara yang sangat perlu diambil perhatian oleh Kerajaan kita iaitu yang pertamanya masih lagi kedapatan setengah cawangan bank tempatan yang tidak begitu ikhlas untuk menyalurkan kemudahan kredit kepada orang ramai khasnya masyarakat Bumiputera dengan mengenakan syarat-syarat yang terlalu ketat, walaupun jumlah pinjaman yang diperlukan itu kecil dan risikonya hampir-hampir tidak wujud. Contohnya, Bumiputera ramai yang merungut kerana sudah dan payah untuk mendapatkan pinjaman kecil untuk membeli unit-unit Skim Amanah Saham Nasional.

Kita semua faham bahawa tidak ada risiko yang berat bagi bank-bank ini untuk meminjamkan wang \$10,000 atau \$20,000 kepada Bumiputera untuk membeli Skim Amanah Saham Nasional ini kerana nilai unitnya tidak jatuh kerana penilaian belian dan dividen yang dijamin sekurang-kurangnya 10% setahun. Tambahan pula sijil unit Skim Amanah Saham Nasional itu dipegang oleh pihak bank yang memberi pinjaman itu untuk dijadikan cagaran pinjaman. Saya mencadangkan kepada bank-bank tempatan supaya memberikan pinjaman yang lebih besar lagi kepada Bumiputera untuk kemudahan membeli unit Skim Amanah Saham Nasional kerana ini sahajalah cara untuk memberikan peluang kepada Bumiputera yang berpendapatan rendah dan tetap untuk nikmat kemajuan industri negara kita ini.

(Timbalan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Yang Kedua, saya juga menegur setengah bank di negara kita ini yang masih lagi memandang rendah dan kurang keyakinan terhadap peniaga-peniaga Bumiputera khasnya peniaga-peniaga kecil. Bank-bank tidak sepatutnya memikirkan untuk

mendapatkan wang pinjaman semula malahan jika benar-benar bank tersebut ingin menjadi ejen pembangunan kepada Bumiputera maka pegawai-pegawai dan kakitangannya yang benar-benar terlatih perlulah membantu peminjam-peminjam khasnya dari peniaga-peniaga kecil ini untuk menyelesaikan masalah peniaga-peniaga tersebut. Ini boleh dibuat dengan memberi nasihat-nasihat yang benar-benar manfaat kepada peminjam-peminjam tersebut.

Tuan Yang Dipertua, oleh itu saya suka mencadangkan kepada pihak Kerajaan kita, yang pertama, sebagaimana yang kita ketahui kegiatan membeli dan menjual matawang antarabangsa secara spekulasi ini merupakan satu cara perniagaan bank yang lumrah dan biasa di mana-mana juga dunia ini khasnya di negara-negara maju. Ini juga telah berkembang di negara kita ini dengan pesatnya. Walau bagaimanapun hanya dinikmati oleh beberapa buah bank yang besar-besar sahaja seperti Bank Bumiputera dan Malayan Banking serta satu, dua bank yang lain.

Ini adalah disebabkan kekurangan keyakinan bank-bank yang besar di negara lain terhadap bank-bank tempatan kita. Untuk bergiat di bidang ini bank-bank tempatan perlu mendapat keyakinan di kalangan masyarakat banking ini di seluruh dunia khasnya di Amerika Syarikat, Britain, Jepun, Hong Kong dan Jerman.

Bank-bank tempatan ini perlu dikenali supaya mudah untuk berdagang secara spekulasi ini dengan bank-bank yang ada di negara-negara tersebut.

Oleh itu, Tuan Yang Dipertua, saya mencadangkan lagi supaya Kerajaan menggalakkan pertukaran lawatan perniagaan pengurusan bank tempatan dengan pengurusan bank-bank di

negara tersebut supaya dijalinan tali perhubungan yang rapat di antara bank-bank tempatan dan luar negeri. Apabila bank-bank tempatan sudah dikenali maka mudah bagi bank-bank luar negeri untuk berdagang di bidang pertukaran wang antarabangsa ini secara spekulatif.

Saya juga mencadangkan supaya bank-bank tempatan memainkan peranan yang lebih penting di dalam usaha meninggikan taraf pelajaran di bidang-bidang profesional dengan menambah bilangan-bilangan biasiswa kepada pelajar-pelajar bumiputera. Dengan cara ini Bank akan wujud sebagai pembantu yang kuat terhadap dasar Kerajaan menambahkan bilangan pelajar bumiputera di bidang-bidang profesional. Oleh itu, Tuan Yang Dipertua, saya menyokonglah Rang Undang-undang ini supaya diluluskan.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah.

4.32 ptg.

Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk mengambil sedikit bahagian dalam meminda Akta Bank 1973, yang mana huraianya telah pun dibacakan atau diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi yang keseluruhannya ialah mengikut Fasal 2 Rang Undang-undang ini bertujuan memasukkan seksyen baharu 24 (A) yang mana telah pun diterangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh Kerajaan juga Bank.

Dan begitu juga bertujuan untuk meminda subseksyen 1, seksyen 26 (A) Akta tersebut.

Tuan Yang Dipertua, dalam meminda Akta Bank ini, saya juga berpendapat apa yang telah dibuat oleh Kerajaan khasnya Kementerian Kewangan ini suatu langkah yang baik

bagi mengelakkan penyelewengan yang berlaku di bank-bank dan juga pengeluaran wang yang mengalir keluar sebagaimana yang telah berlaku kepada BMF iaitu Bank Bumiputera sendiri yang mengakibatkan beratus ribu juta ringgit yang telah pun masih lagi di dalam tandatanya antara rakyat dan juga Kerajaan pada hari ini. Kerana wang yang sebegitu banyak dengan senyap-senyap telah keluar yang akibatnya ialah wang itu adalah datangnya daripada rakyat sungguhpun Kerajaan bertanggungjawab kepada pinjaman-pinjaman ataupun wang-wang tersebut, tetapi ini saya ingat mengakibatkan Kerajaan menanggung rugi yang begitu banyak dengan ada segelintiran manusia yang hanya bagi kepentingan diri mereka sendiri tanpa memikirkan negara apa yang akan terjadi di belakang hari nanti.

Oleh itu, dengan keadaan ini kita berharaplah dengan adanya cara-cara ini supaya dapat pihak Kerajaan dan pihak bank juga dan pihak-pihak yang berkenaan mengelakkan perkara yang seumpama ini. Dalam menyusun semula suatu bank berlesen ataupun bagi menyatukan mencantumkan selain antara suatu bank berlesen dengan suatu bank yang berlesen sebagaimana Yang Berhormat tadi pun ada mengatakan memang ini bank, mana bank-bank yang kecil supaya dapat dicantumkan dijadikan besar dan akhirnya akan teguh.

Dalam soal perjalanan bank ini, Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh kadangkala berhubung dengan pinjaman-pinjaman ini yang telah diberi kepada rakyat, kepada orang-orang yang ingin berniaga, kepada orang-orang yang menambah perniagaannya, maklumlah dalam segi perniagaan ini ada untung dan ada rugi.

Dalam masalah ini kadangkala kita pun pernah mendengar dan pernah melihat kawan-kawan kita yang diseret ke mahkamah kerana tidak dapat

membayar hutang. Kadangkala hutang yang dipinjam oleh mereka itu tidaklah begitu banyak, lima ribu ataupun enam ribu ringgit. Ada juga kakitangan-kakitangan Kerajaan yang sekarang Kerajaan menggalakkan supaya berniaga. Mereka ini juga cuba berniaga tetapi malangnya oleh kerana keadaan sesuatu yang terjadi kemungkinan lewat dibayar, tidak dapat hendak membayar sungguhpun telah merayu dan sebagainya tetapi pihak bank begitu lumrah membawa ke mahkamah, sehingga menjatuhkan bankrapsi. Ada salah seorang kawan saya, ia bekerja sebagai tidak usahlah saya sebutkan, hanya dia menjaminkan pula, menjamin orang \$6,000. Dia sebagai satu orang kakitangan Kerajaan. Tetapi, orang yang meminjam tidak dapat membayar, dia cabut lari, tidak jujur, tidak ikhlas, tetapi penjamin kena. Penjamin mana hendak ambil duit dalam masa dua minggu, ataupun sepuluh hari. Tetapi pihak mahkamah sebagaimana dikatakan tadi kasihan kita melihat, menjatuhkan hukuman bankrapsi, sehinggakan kerja pegawai itu pun lucut mengikut Akta Kerajaan.

Itulah saya rasa dalam masalah ini juga bank mestilah bersama-sama memikirkan periuk nasi untuk masa hadapan seseorang manusia itu. Janganlah mengingatkan \$6,000 kalau dibandingkan dengan BMF yang begitu berbillion wangnya yang telah keluar, tidak ada sampai hari ini nampak begitulah belum juga selesai masalahnya. Tetapi kalau orang-orang kita yang pinjam sedikit sekejap-sekejap hantar bank. Ada pernah juga saya sendiri pun pernah sekali hendak datang diseal rumah saya oleh bank kerana saya menjamin seorang, malahan orang itu telah meninggal dunia. Saya telah menerangkan begitulah, tetapi pihak bank pula, pihak lawyer ataupun yang bertanggungjawab ini dia begitu mengambil senang, iaitu mencari orang-orang yang kononnya ada

kelayakan, yang ada sedikit duit, umpamanya, sungguhpun lima, enam orang menjamin yang pinjam wang itu, dicari yang ada sedikit itulah. Dia tidak pergi cari orang yang empat atau lima, yang dua, tiga lagi itu; dia cari yang seorang itu sahaja. Dia ambil jalan senang. Dia bawalah jaga umpamanya hendak seal rumah kita. Ini keadaan-keadaan yang terjadi sekarang tetapi oleh kerana ada manusia yang malu hendak menyuarakan perkara ini, inilah terjadi banyak orang-orang Melayu, peniaga-peniaga untuk pengetahuan Yang Berhormat rasa saya banyak yang bankrap, berhubung dengan pinjaman-pinjaman ini.

Jadi, dalam masalah ini pihak Kerajaan, saya rasa cubalah bersimpati sedikit dan bertolak ansur dalam soal ini mengarahkan bank-bank ini supaya janganlah begitu sangat, carilah jalan yang baik supaya wang pinjaman-pinjaman ini akan dapat dibayar balik. Tidak usah dengan cara ringkas, cari jalan pendek untuk menjatuhkan seseorang itu bankrap ataupun muflis kepada seseorang itu.

Dalam soal yang lain, Tuan Yang Dipertua, mengenai bank ini juga kita pun tidak tahulah bagaimana keadaan pinjaman-pinjaman ini boleh senang dapat, oleh kerana pihak Kerajaan telah pun menyuarakan memberi gambaran memberi penerangan kepada rakyat, dan memberi penerangan kepada bank supaya bank memberi pinjaman kepada kaum-kaum bumiputera yang hendak maju, tetapi untuk mendapatkan pinjaman ini amat sukar. Tetapi kalau bukan bumiputera begitu senang.

Apa yang saya dapat tahu mereka ini ada juga main bawah meja (under-the-counter) dan sebagainya, senang mendapat pinjaman pada hal mereka itu serupa juga peniaga sama dengan peniaga bumiputera, tetapi apabila hendak beri pinjaman kepada peniaga bumiputera terlampau susah, mereka

hendak mencari penjamin (guarantor), apakah cagaran yang ada dan sebagainya. Seheingakan pinjaman-pinjaman itu susah sangat hendak didapati daripada bank-bank. Kita haraplah pihak Kerajaan mengawasi kalau benar-benar pihak bank itu jujur dan ikhlas di dalam negara kita ini hendaklah memberikan pinjaman-pinjaman itu senang sedikit, tidak begitu susah kepada peminjam-peminjam, lebih-lebih lagi peniaga bumiputera yang hendak maju sekarang.

Dalam soal yang lain, soal pekerja-pekerja ataupun pegawai-pegawai di bank, sekarang kita dapat melihat kalau kita pergi contohnya kepada United Asian Bank, kita tengok, minta maaf, di situ kebanyakan bangsa India di dalam UAB itu, kalau kita pergi ke Bank Bumiputera, orang Bumiputeralah banyak, kalau pergi ke Hongkong & Sanghai Bank, banyak orang Tionghua. Bagaimanakah kita hendak menyatupadukan rakyat dalam negara kita jika di bank-bank pun ada diskriminasi. Nampaknya kalau ada pun pekerja bumiputera, diberi kerja yang ringan umpamanya Personnel Manager diberikan kepada orang Melayu. Jawatan yang lain-lain itu tidak ada orang Melayu, pekerja paling bawah ialah Jaga dan Budak Pejabat sahaja dan sebagainya, dan jawatan yang lain dipegang oleh kumpulan-kumpulan atau keturunan-keturunan yang lain. Oleh itu kita dalam masalah ini, saya rasa dasar ini tak usahlah diamalkan dan kita berharap kepada bank-bank perdagangan yang ada, tidaklah lagi mengamalkan dasar diskriminasi atau "memandang bulu" ini kepada rakyat kita pada hari ini.

Oleh itu, kita berharaplah masalah ini dapat diatasi oleh pihak Kerajaan. Dalam hal lain pula, saya tidak ada apa yang hendak dikomen lagi kerana Undang-undang ini adalah untuk meminda seksyen baru yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat

Timbalan Menteri tadi. Dengan itu saya bersama-sama menyokong Rang Undang-undang ini supaya diluluskan.

4.43 ptg.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh:

Tuan Yang Dipertua, saya bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, suka hendak mengambil peluang sedikit dalam membahaskan Suatu Akta untuk meminda Akta Bank 1973 yang ada di hadapan kita sekarang ini.

Tuan Yang Dipertua, saya merasakan satu kegembiraan melihat satu pindaan yang dibawa di hadapan kita pada hari ini iaitu mengenai dengan kakitangan dan pegawai mengikut huraian Timbalan Menteri tadi bahawa pegawai-pegawai bank tidak dihalang waris rapat dengannya membuat pinjaman bank di mana bank yang ada anak buahnya bertugas. Pada masa yang lampau apabila peraturan ini dibuat, dikenakan, saya telah banyak mendengar sungutan daripada kakitangan bank sendiri. Memanglah satu perkara yang tidak berapa adil kata mereka, kalau seorang kakitangan dan pegawai bank dan warisnya yang rapat dengannya tak boleh membuat pinjaman dengan bank itu, sedangkan barangkali waris yang rapat itu ada kalanya tidak ada hubungan langsung pun ada di dalam perniagaan dengan waris yang bertugas dalam bank itu tetapi dikenakan larangan. Tetapi dengan keadaan pindaan yang ada hari ini membolehkan diberi pertimbangan khas ataupun melonggarkan sedikit. Ini satu perkara yang barangkali disambut baik oleh pihak-pihak yang berkenaan iaitu dengan ada pengecualian dibuat oleh pihak Bank Negara sekiranya ada permohonan seperti demikian.

Yang keduanya, banyak Ahli-ahli Yang Berhormat tadi pun bercakap dan kita telah dengar macam-macam dicakapkan mengenai dengan masalah BMF di Hongkong. Oleh sebab

perkara ini besar dan perkara ini telah menjadi satu isu yang besar kepada negara kita ini, tidak banyak yang hendak komen, tetapi apa yang patut kita buat hari ini sama ada pihak Kerajaan mesti menyelesaikan perkara ini dengan keadaan yang cepat, makin lama benda ini belum dikeluarkan kenyataan secara yang betul, semakin banyak rakyat kita akan bercakap dan semakin banyak dakyah-dakyah yang kotor yang barangkali tidak kena-mengena pun dipertimbangkan ataupun diada-adakan kerana dalam masyarakat kita ini masalah wang satu perkara yang besar. Dengan wang juga kita boleh beli orang, dengan wang juga kita boleh membunuh kehidupan manusia ini, dengan wang juga boleh menjatuhkan imej seseorang itu ataupun menjatuhkan maruah seseorang itu dan dengan wang juga di dunia pada hari ini boleh berbuat apa suka sekiranya kita mempunyai banyak wang.

Jadi masalah inilah yang menimbulkan satu perkara yang pada hemat saya amat tidak baik jika Kerajaan melambat-lambatkan daripada mengeluarkan sama ada keluaran Kertas Putih atau melantik satu Suruhanjaya Diraja dan sebagainya mestilah dibuat dengan secepat mungkin. Makin lama ditangguh sebagaimana saya katakan tadi makin buruk, sama ada dengan sengaja atau dengan tidak sengaja, musuh boleh mempermainkan kita juga dalam isu BMF di Hongkong ini.

Jadi saya tidak bercadang hendak bercakap panjang dalam masalah BMF Hongkong ini, tetapi saya ingin menekankan dan saya minta pihak Kerajaan pada hari ini janganlah lagi bercakap tetapi terus bertindak. Kalau perlu menubuhkan Suruhanjaya, tubuhkan Suruhanjaya itu, kalau sudah dapat bukti, keluaran Kertas Putih, siapa sahaja yang terlibat katakan, kita kena bentangkan, biarkan rakyat tahu di mana punca kesalahannya. Kalau

tidak, orang ramai akan membuat bermacam-macam tuduhan, dikatakan si anu, dikatakan si dia, dikatakan pada orang itu pula dan sebagainya. Betullah BMF di Hongkong itu adalah melibatkan wang yang besar tetapi barangkali Kerajaan menerusi Bank Negara juga harus meneliti, harus barangkali bukan Bank Bumiputra sahaja, barangkali ada lain-lain bank juga terlibat. Jadi kalau ada lain-lain bank terlibat mestilah juga diambil perhatian oleh pihak Kerajaan menerusi Bank Negara.

Saya menyebutkan ini kerana dalam masa hampir 10 tahun yang lampau atau 8 tahun yang lampau sampai hari ini Hongkong and Shanghai Bank belum lagi menyelesaikan satu perkara bank ini yang melibatkan wang tidak kurang daripada \$10 juta. Jadi, bukan sahaja saya katakan Bank Bumiputera tetapi harus bank-bank lain juga mesti dilihat oleh Bank Negara dan jika bank-bank ini boleh diawasi dengan baik, sebab bank-bank yang ada dalam Malaysia kita ini adalah tempat pergantungan rakyat kita, baik tempat menyimpan atau meminjam wang dan sebagainya. Jadi tentulah suatu kepercayaan, suatu keyakinan yang kita harus jaga supaya perkara-perkara yang tidak diinginkan tidak akan berlaku kepada bank-bank yang ada di Malaysia ini.

Saya juga menyokong pandangan yang telah diberi oleh rakan saya tadi berkenaan dengan keadaan bank bagi masa ini. Orang kita Melayu ataupun bumiputera barangkali tempat pergantungan harapan mereka untuk meminjam wang dari segi peniaga-peniaga kecil ialah Bank Bumiputera. Kerana bila dia hendak pergi berjumpa dengan lain-lain bank dia merasakan harapan untuk membolehkan dia membuat permohonan dan sebagainya tipis. Setengah-setengah daripada bank ini pula, manejar-manejar bank itu sendiri tidak berapa faham cakap Melayu pun ada. Jadi macam kalau

rakyat Melayu atau rakyat bumiputera hendak pergi pinjam bank, hendak pergi berkira, hendak pergi bercakap, hendak berunding dengan manejar bank kalau mereka tidak pandai cakap Bahasa Kebangsaan, yang si pemohon tidak pandai cakap Inggeris, sudah tentu tidak dapat. Jadi ini juga harus dilihat dan saya sangat-sangatlah menyokong supaya penglihatan umum tidak ternampak di Malaysia ini, orang Melayu tumpu kepada bank Melayu sahaja iaitu Bank Bumiputera. Orang bukan Melayu ataupun orang Cina akan tumpu kepada bank-bank orang Cina sahaja. Manakala orang India tumpukan kepada bank-bank India sahaja. Kalau di Kelantan, bank India tidak ada. Jadi kalau keadaan macam itu berlaku maka hilanglah tujuan kita ataupun konsep Malaysia kita ini. Untuk mengatasi perkara ini, saya rasa Bank Negara atau Kementerian Kewangan boleh mengarahkan atau menyusun satu langkah supaya menampakkan kepada masyarakat kita kepada penduduk Malaysia ini yang bank-bank di Malaysia ini adalah kepunyaan rakyat Malaysia. Biar menampakkan corak semacam itu. Jangan menampakkan sebagaimana yang saya sebutkan tadi dan sebagaimana yang disebut oleh saudara-saudara saya sebelum saya. Perkara ini, saya rasa boleh dibuat, boleh diatur dan saya percaya pihak-pihak bank juga sanggup menerima arahan-arahan seperti itu. Dan jika mereka tidak sanggup, jika tidak mahu terima, boleh juga pihak yang berkuasa mengambil langkah kepada mana-mana bank yang enggan daripada mematuhi perkara-perkara yang kita tidak inginkan tengok seperti itu.

Akhirnya, kalau kita bercakap mengenai bank ini tentulah panjang tetapi oleh sebab pindaan yang di ada di hadapan kita bagi dua maksudnya sahaja tetapi saya harap apa yang saya sarankan dalam Dewan yang mulia ini agar pihak yang berkenaan mengambil tindakan, kalau tidak maknanya tidak

ada memberi apa-apa makna kepada kita dan bagi maksud menyokong Rang Undang-undang ini, sekali lagi saya katakan bahawa saya berterima kasih kepada pihak Kementerian Kewangan kerana telah melonggarkan satu syarat ataupun mengadakan pengecualian kepada mana-mana pihak pegawai-pegawai bank yang selalu kerap sangat perkara ini telah dipercakapkan oleh kakitangan-kakitangan bank sendiri sehingga mereka secara bergurau mereka katakan kalau begitulah kedaannya, kita yang bekerja dengan bank ini yang belum kahwin tidak usah kahwinlah. Kalau kita kahwin barangkali bapa mertua kita hendak pinjam duit bank pun payah. Jadi secara bergurau. Tetapi dengan keadaan yang pengecualian ini bolehlah dibuat permohonan dengan keadaan yang betul dan syarat-syarat yang munasabah barangkali pihak Bank Negara boleh meluluskan jadi menjadi melegakan sedikit keadaan yang ada di pihak pekerja-pekerja bank dengan waris yang terlibat dengan pekerja-pekerja bank.

Tuan Yang Dipertua, dengan ini saya menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Bank 1973.

Timbalan Yang Dipertua: Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap dalam Akta ini?

4.58 ptg.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang Dipertua, saya suka mengambil bahagian serba sedikit dalam membahaskan suatu Akta untuk meminda Akta Bank, 1973.

Tuan Yang Dipertua, di sini saya suka juga menyebutkan beberapa masalah yang dihadapi khasnya kepada peniaga-peniaga bumiputera dalam urusan-urusan bank seharian terutama sekali bumiputera yang telah pun menceburkan diri dalam bidang-bidang perniagaan. Ini memanglah sedia kita maklum bahawa

menggalakkan bumiputera mengambil bahagian dalam bidang perniagaan ini adalah satu-satunya daripada usaha Kerajaan. Dan demikian juga pertumbuhan bank-bank di negara kita ini juga adalah daripada anjuran Kerajaan terutama sekali Bank Bumiputera dan beberapa institusi kewangan yang lain.

Di sini, Tuan Yang Dipertua, kalaulah kita tinjau mengenai peristiwa-peristiwa BMF yang baharu-baharu ini berlaku di Hongkong adalah amat mengeciwakan kepada peniaga-peniaga bumiputera. Dengan jumlah yang begitu banyak orang yang lain boleh mendapat pinjaman wang dengan sewenang-wenangnya daripada bank ini, sedangkan bumiputera yang mengharapkan bank yang asal dirancang, ditaja, disuarakan oleh bumiputera di dalam Dewan atau Kongres Perniagaan Bumiputera yang pertama dalam tahun 1965 kalau tidak silap saya maka wujudlah sebuah bank tetapi bank ini tidaklah sebenarnya mewujudkan kepada matlamat yang dikehendaki oleh Kongres Ekonomi Bumiputera pada waktu itu dengan 100%. Walaupun pada mulanya bank ini dengan modal yang dibantu oleh Kerajaan dengan harapan supaya dasar-dasar Kerajaan untuk bumiputera yang akan mula melangkah dalam bidang perniagaan dapat sedikit sebanyak bantuan kewangan mahupun tunjuk ajar dalam urusaniaga setiapa orang.

Tuan Yang Dipertua, kalau kita tinjau daripada jumlah wang yang begitu banyak yang telah dipinjamkan dan sukar untuk diambil kembali walaupun kita hendak bawa atau kita hendak ketengahkan ke mahkamah ataupun kita hendak keluarkan kertas putih tetap apakah kesudahannya dan adakah wang ini akan dapat dikembalikan kepada bank yang mengeluarkan pinjaman tadi. Dan jika dikira hitong panjang untuk mengembalikan wang yang telah

dipinjam itu tadi ia akan membebankan setiap warganegara Malaysia, setiap orang warganegara Malaysia akan membiayai \$100 seorang, itu berdasarkan 15 juta penduduk Malaysia yang ada sekarang, kalau kita hendak bayar capial ini balik. Ini bebanannya kalau hendak dibalikkan kepada rakyat.

Kita tidak semestinya mengambil sewenang-wenangnya ini adalah semata-mata urusan bank, urusan Pegarah-pengaruh Bank semata-mata tetapi itu adalah sebagai satu tanggungjawab setiap warganegara Malaysia terutama sekali bumiputera kerana ia adalah tidak sebanyak sedikit akan menjejaskan imej bank itu sendiri. Dan lagi peristiwa yang telah berlaku ini bukan hanya sekadar kita merasa terperanjat dalam soal ini tetapi juga apa yang saya telah ketahui ada setengah-setengah Pengurus-pengurus Bank tidak berani keluar ke kedai-kedai kopi pada waktu-waktu hari pejabat dan tidak berani bergaul dengan orang ramai kerana takut masalah ini ditimbulkan, mereka bukan takut tetapi mereka rasa malu dan segan kerana ini adalah rangkaian-rangkaian bank-bank yang ada dengan mereka, misalnya BMF ada kaitan dengan Bank Bumiputera mahu pun Kewangan Bumiputera dan sebagainya; ini ada kaitan. Jadi, mereka merasa terlibat dalam soal ini. Mereka merasa malu kerana apa, disebabkan mungkin kerana pengurusan.

Tuan Yang Dipertua, saya berpendapat bank-bank di negara ini yang telah ditubuhkan di luar negeri misalnya kita mempunyai cawangan bank di New York, di Tokyo mahupun di beberapa buah negara lain memang kita mempunyai banyak cawangan-cawangan bank, maka pada masa akan datang tidaklah semestinya Pengarah-pengaruh Bank ini boleh menimbangkan sesuatu pinjaman kepada syarikat-syarikat di mana bank

itu ditubuhkan iaitu di luar negeri, misalnya di New York atau di Jepun mereka mestilah tertakluk untuk merujuk perkara ini kembali, ini berdasarkan kepada jumlah atau amaun wang yang dipinjamkan oleh sesebuah syarikat melalui bank ini tadi bank yang saya maksudkan bank tempatan yang ditubuhkan di luar negeri mestilah dirujuk balik kepada Bank Negara kita di sini sebagai satu badan penasihat kepada bank-bank negara kita yang ditubuhkan di luar-luar negeri.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu juga kita ingin mengkaji sejauh manakah juga kejujuran pengguna-pengguna bank terhadap Bank-bank Bumiputera yang ditubuhkan di seluruh negara ini. Dalam pengetahuan saya sendiri saya telah mengikuti; ini saya bercakap, berdasarkan pengalaman dan pengetahuan saya sendiri dan saya tidaklah bermaksud untuk menyatakan sesuatu suku kaum yang lain itu ataupun mencurigai di satu pihak yang lain sepertimana salah seorang daripada rakan saya yang bercakap di sini iaitu tentang bilangan ataupun rupa bangsa yang bekerja di dalam tiap-tiap satu bank ini, ini berdasarkan atas banyaknya saham yang dimiliki oleh bank itu berdasarkan kaum.

Misalnya United Asian Bank, Hongkong and Shanghai Bank dan siapa pula yang punya saham yang banyak. Di sini menurutlah keadaan siapa yang pemegang saham dalam bank ini, inilah rupa bangsa yang banyak nanti bekerja dalam bank. Jadi, bumiputera, bumiputerah yang ramai bekerja dalam bank.

Dalam soal mengintegrasikan dalam perkhidmatan banking ini tadi di negara kita ini amatlah mencemaskan kalau kita pandang. Kita masih menganggap curiga dalam soal ini. Dan satu daripadanya, Tuan Yang Dipertua, misalnya seseorang taukeh Cina dia ingin mendapatkan pinjaman

overdraft daripada Bank Bumiputera katakan setengah juta ringgit. Dia pinjam overdraft setengah juta ringgit tetapi wang collection sehari-harian masuk pergi ke Hongkong and Shanghai Bank. Wang kita, kita tidak dapat, Bank Bumiputera tidak dapat pungutan sehari-harian sudah mati kerana dipinjamkan. Kalau 10 orang yang meminjam overdraft sebanyak \$500,000 ini bererti \$5 juta wang kita telah dikeluarkan mati walaupun sipeminjam dikenakan faedah tetapi pusingan bank sehari-harian itu amat berkurangan manakala di bank yang lain akan menerima pungutan hari-harian. Misalnya, orang yang membuat retail jualan hari-harian ini dia akan dapat pusingan wang itu masuk balik, jadi di Bank Bumiputera sudah tersekat.

Jadi kita terpaksa pula meminjam atau mendapatkan keluaran daripada Bank Negara ataupun kita terpaksa pinjam balik daripada bank yang lain untuk menampung keperluan bank itu sendiri.

Ini juga salah satu daripada kecurigaan yang terdapat dalam perjalanan urusan bank sehari-harian sebagaimana Bank Bumiputera itu cuba dipersalahkan daripada kegiatan. Inilah harus kita mengambil perhatian supaya dalam perkara ini Bank Negara atau Kementerian Kewangan haruslah mengambil kira setiap mereka yang mendapat overdraft ke atas daripada \$500,000 mereka mestilah ertinya memasukkan wang pusingan mereka sehari-harian balik kepada bank yang mereka tadi meminjam tidak menyalurkan wang ini kepada bank lain. Betul ini memang cara berniaga mungkin mereka mahu buka satu lubang dan tutup lubang di sini bank kemudian dia putar-putarkan, ini cara perniagaan. Tetapi kalau kita fikirkan jangka panjang kedudukan kewangan yang ditubuhkan oleh Kerajaan ini nanti akan merosot dari masa ke semasa.

Walau macam manapun, saya yakin apa juga bank-bank yang ditubuhkan di negara kita ini seperti Bank Bumiputera bolehlah kita anggap sebagai salah satu bank yang mempunyai asset yang paling kaya yang paling tinggi sekali di negara ini.

Kalau tidak silap saya mungkin dia adalah bank yang banyak sekali mempunyai asset di Malaysia. Ini satu pencapaian yang kita harus banggakan, tetapi apa yang kita merasa dukacita peniaga-peniaga kecil ataupun peniaga-peniaga Bumiputera yang sedang berkembang yang mempunyai modal sehingga \$500,000 ataupun \$1 juta, ada kalanya tidak mendapat layanan untuk mendapatkan pinjaman lebih sedikit, walaupun si peminjam tadi mempunyai cagaran daripada harta tetap, harta yang tidak bergerak (immovable property).

Kadang-kadang mereka tidak boleh melayan permohonan ini, dengan alasan untuk mendapat keizinan dari Kuala Lumpur. Ini peristiwa di Sabah, saya maksudkan. Untuk mendapat keizinan dari Kuala Lumpur akan mengambil masa tiga minggu dan mereka juga telah ditunjukkan kontrak kerja. Ada \$3 juta daripada Kerajaan kontrak kerja ini dan ini harta saya yang boleh dicagarkan yang bernilai hampir \$1 juta. Wang yang mahu dipinjam untuk pusingan hampir hanya \$300,000. Itupun mahu tanya balik Kuala Lumpur. Inikah yang kita boleh memajukan pengusaha-pengusaha Bumiputera? Ini yang saya amat kesal sedikit, tetapi ada pula peniaga-peniaga kecil ataupun peniaga-peniaga kain, kain songket, kain sarung dan sebagainya sepertimana yang berlaku di tempat saya, di sana yang membuat perniagaan tukar barangan (barter trade) dengan Filipna. Ini satu perniagaan yang tidak ada jaminan, kadang-kadang mereka ini mengambil secara hutang beratus-ratus ribu segala kos dimasuk dalam kapal, harap dia balik di lain minggu tetapi kadang-kadang dia katakan perahu dia sudah

kena rompak oleh lanun di antara pertengahan jalan Filipina itu.

Ini memang berlaku, habis. Inilah peminjaman. Saya hairan, tetapi selepas pinjaman ini nanti, Pengurus Bank dengan tuan punya kedai tadi bercuti pergi ke Thailand makan angin, kemudian daripada Thailand terbang ke Hongkong dan Manila terus balik ke Sabah perjalanan itu. Saya hairan ini dapat dan dengar-dengarnya, tanyanya kepada orang ini dapat pinjam hanya dalam urusan, kita tahu dia tidak mempunyai satu sekuriti atau jaminan yang begitu kukuh tetapi boleh dapat pinjaman dengan cepat \$150,000. Tetapi dengar-dengar kalau ada rundingan di bawah meja, pinjaman boleh dikeluarkan tanpa tanya Kuala Lumpur, asalkan ada 5% boleh. Inijuga berlaku di mana-mana bank. Tetapi bagi saya, saya tidak mahu buat perkara ini, tidak berani buat dan tidak mahu buat. Tetapi dengar-dengar daripada kawan-kawan yang lain, mereka buat. Kalau tidak buat dia kata tidak boleh dapat. Pertama saya tidak ada cagaran yang begitu kukuh untuk mendapatkan pinjaman. Ini sahaja satu cara. Apa ada rugi, dia kata, kalau bayar 10%. Kalau pinjam \$150,000; \$15,000 kita bawa makan angin, yang lain kita boleh buat pusingan berniaga. Enjoylah wang \$14,000 itu.

Yang mendukacitakan, orang yang mempunyai harta yang mempunyai cagaran tidak dapat pinjaman. Inilah yang amat mendukacitakan.

Tuan Yang Dipertua, di sini saya harus memberikan sedikit pujian, sejak tertubuhnya Bank Bumiputera di mana-mana juga di bandar-bandar di negeri ini, sekurang-kurangnya bank ini dapat memberikan tunjuk ajar sebelumnya bank ini ditubuhkan. Misalnya, peniaga-peniaga Bumiputera yang biasanya memesan barang daripada Hongkongkah, Singapurakah, biasanya mereka menghadapi masalah kewangan.

Tidaklah kita hendak bawa wang kita dalam brief case beratus-ratus ribu ringgit. Ini bukanlah orang yang pandai berniaga. Kalau bawa wang \$100,000; \$200,000 dalam brief case, pergi Hongkong beli barang-barang atau ke Singapura atau ke Thailand itu bukan orang bijak berniaga ertinya.

Kita dalam soal berniaga untuk membeli barang di luar negeri, kita mempunyai satu, dari segi kepercayaan, kedua kita mempunyai beberapa jaminan-jaminan daripada bank. Ini memang terdapat kepada Bumiputera-bumiputera yang terdahulu daripada itu sebelumnya Bank Bumiputera ditubuhkan iaitu bank-bank yang lain tidak sama sekali menasihatkan Bumiputera bahawa mereka ini boleh dapat kemudahan seperti 'Trust Receipt' ataupun "Delivery on Payment" (D.P). Ini tidak pernah dialami oleh Bumiputera pada masa-masa lampau. Tetapi sejak Bank Bumiputera ditubuhkan sekurang-kurangnya bank ini dapat memberi tunjuk ajar kepada Bumiputera. ertinya, kita boleh memesan barang dari Hongkong atau dari Singapura dengan menggunakan "D.P", ertinya bila barang itu sampai di pelabuhan kita dan kita mempunyai dokumen, surat-surat yang tertentu dan bank akan membayarkan dan kita akan bayar balik kepada bank. Ini 'Delivery on Payment', ertinya barang itu kita terima dan terus kita bayar melalui bank. Ini juga satu-satu sebab tetapi dalam soal D.P. ini juga kerap kali peniaga-peniaga Bumiputera kadang-kadang dimainkan daripada pertukaran wang (exchange rate) yang berlaku setiap hari.

Katakanlah, kalau kita beli barang daripada Singapura yang berharga kira \$200,000, kemudian dokumen ini, surat ini akan dihantar kepada bank yang berasingan, tidak kepada di mana bank akaun yang kita ada. Misalnya, dia akan dikemukakan kepada Chartered Bank. Jadi, pegawai di

dalam ini juga akan menggunakan peluang ini dengan mempermainkan peniaga-peniaga Bumiputera. Dia tidak akan mengeluarkan surat "D.P" ini tadi sehingga nilai matawang Singapura sudah naik baru dipanggilnya kita untuk mengambil dokumen, dikeluarkan barang-barang kita di Kastam. Jadi kita kena bayar perbezaan daripada pertukaran matawang ini tadi. Tetapi apabila matawang kita 'at par' setiap hari dengan Singapura ataupun lebih kurang antara 4% misalnya, mereka menahan, kononnya dia belum terima dokumen ini, jadi barang kita tidak boleh keluar dan di sana kita akan kena bayar "bond rent" dari Kastam yang barang kita belum dapat dikeluarkan, kita akan dikenakan bayaran di sana. Ini juga kita kena kerugian lagi.

Ini sudah pernah berlaku dan ini saya pernah mengalami dan beberapa orang peniaga-peniaga Bumiputera pernah mengalami perbuatan daripada pegawai-pegawai bank ini yang bukan Bumiputera. Ini juga satunya kerana mereka cuba hendak menaikkan kos barang yang kita pesan tadi dan dia cuba naikkan daripada nilai matawang meninggikan matawang asing. Pada hal dia tidak dapat apa-apa, tetapi mungkin kerana bersimpati, dia tunggu, bila naik matawang ini, baru dia panggil kita, mengatakan dokumen sudah sampai, boleh dikeluarkanlah barang-barang ini daripada bond. Di sebaliknya kita sudah kena bayar seminggu atau dua minggu bond rent, sewa gudang, oleh Kastam, kita kena bayar 20% daripada harga barang yang kita import tadi. Kita sudah rugi di sana. Bagaimana Bumiputera akan dapat menjual barang-barang ini yang harganya lebih kurang sama dengan orang-orang yang bukan Bumiputera. Jadi inilah satu-satunya yang Bumiputera juga dipermainkan melalui bank-bank ini. Jadi saya berharap, Tuan Yang Dipertua, supaya Kementerian mengambil berat dalam soal ini, berikan nasihat-nasihat

dan teguran kepada bank-bank perniagaan di negara kita ini supaya mereka ini juga bersama-sama menjalankan matlamat Kerajaan, dasar Kerajaan untuk melihat Dasar Ekonomi Baru itu dapat tercapai. Kalau tidak, Tuan Yang Dipertua, saya takut yang Dasar Ekonomi Baru (DEB) ini nanti akan menjadi "Dasar Ekonomi Buruk", Bumiputera tidak akan mencapai dan dalam bahasa Inggerisnya New Economic Policy dan sebaliknya "Nonsense Economic Policy" kalau ianya tidak tercapai.

Jadi saya takut, Tuan Yang Dipertua, tetapi ini bukan disalahkan kepada peniaga-peniaga Bumiputera tetapi daripada jurusan-jurusan yang tertentu ini, mereka inilah yang ingin memainkan gelombang-gelombang ini semua supaya keadaan Bumiputera sentiasalah berada dalam keadaan yang terumbang-ambing dalam apa jua bidang, apa lagi dalam bidang perniagaan. Mereka memang tidak suka melihat Bumiputera maju dalam bidang perniagaan, mereka tidak suka kepada Dasar Ekonomi Baru, mereka suka melihat Dasar Ekonomi Baru ini menjadi "Dasar Ekonomi Buruk".

Satu lagi daripada segi saya katakan soal duti dan di sini saya berbalik kepada Trust Receipt. Demikian juga Trust Receipt ini adalah satu-satunya Bank Bumiputera dapat menasihatkan kita macam mana cara-cara menggunakan Trust Receipt, kita boleh pesan barang dan selepas itu barang sampai kita ambil barang keluar dan antara 30 hari atau 40 hari baru kita bayar balik kepada bank melalui Trust Receipt yang kita pinjam walaupun kita bayar lebih sedikit daripada faedah yang dikenakan. Kalau kita tidak bayar, lambat daripada tempoh memanglah kita akan mengalami sedikit kerugian tetapi kalau kita menurut jadualkan bayaran itu dengan sebaik-baiknya, peniaga-peniaga Bumiputera tidak akan dapat mengalami kerugian. Tetapi sebelum

wujudnya Bank Bumiputera kita tidak akan diberikan panduan-panduan seperti ini, seperti mengimport barang-barang ini dengan menggunakan kemudahan "D.P" dan "T.R." ini, tidak pernah setahu saya. Jadi inilah kebanyakan orang-orang kita Bumiputera kalau di Semenanjung barangkali pakai lori, pakai keretapi pergi ke Singapura bawa wang banyak-banyak, beli angkut sekali gus, barang ikut bersama dengan mereka, terus turun dikedai masing-masing, itu sahaja. Jadi kita tidak lagi macam peniaga-peniaga lain, mereka hanya angkat telefon, apa sahaja barang yang mereka mahu, biar sekali sehari pun mereka pesan sampai 100,000 pun, dalam beberapa hari barangnya akan sampai di tempat mereka tanpa mengeluarkan wang, hanya satu ketika misalnya 45 hari atau 60 hari mereka diberikan tempoh untuk membayar balik. Inilah satu kemudahan yang mereka perolehi yang dahulunya tidak diketahui sedikitpun oleh peniaga-peniaga Bumiputera.

Jadi dengan itu, Tuan Yang Dipertua, saya fikir saya tidak ada apa-apa lagi untuk menyampaikan hujah-hujah saya dalam perkara ini. Sekali lagi saya menyokong Akta Bank, 1983 ini. Sekian.

5.23 ptg.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang Dipertua, saya ingin membangkitkan beberapa perkara untuk mendapat pertimbangan serta penjelasan pihak Kementerian yang berkenaan.

Pertamanya, apabila kita bincang fasal bank, kita tidak dapat lari ataupun tidak dapat memisahkan pemikiran kita dengan masalah Bank Bumiputera dengan anak syarikat BMF di Hongkong yang mana begitu banyak sekali ringgit Malaysia keluar, lebu dan boleh dikatakan hancur pergi ke Pulau Hongkong dengan keadaan-keadaan yang telah pun

dilaporkan di dalam semua majalah dan suratkhbar tempoh hari. Di sini saya fikir pihak Kerajaan mestilah dengan seberapa cepat yang mungkin untuk memberi penjelasan dan penerangan sedalam-dalamnya, seluas-luasnya kepada rakyat umum oleh kerana ini merupakan suatu kerugian kepada semua rakyat jelata negara ini yang mana jumlah yang lebih kurang dikatakan hampir \$1.7 billion itu adalah daripada sumbangan setiap warganegara Malaysia ini.

Maka adalah menjadi tanggungjawab pihak Kerajaan untuk memberi segala penerangan, segala sebab musabab mengapa sejumlah besar wang itu terpaksa keluar walhal negara masih dan sedang mengalami kesan-kesan daripada kemelesetan ekonomi dunia dan masih banyak lagi pembangunan-pembangunan terutama yang melibatkan rakyat di desa-desa dan di kampung-kampung yang perlu dilaksanakan. Maka pada hemat saya tidak ada sebab musabab mengapa Kerajaan masih lagi sanggup membisu dalam soal ini dan masih lagi pihak rakyat tertanya-tanya tentang apakah keadaan sebenarnya, siapa yang menyebabkannya dan apakah pula tindakan-tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan agar orang-orang yang terlibat itu, orang-orang yang bertanggungjawab itu tetap akan diambil tindakan kepada mereka.

Tuan Yang Dipertua, bersabit dengan itu juga, kita telah dengar pada minggu yang sudah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyatakan bahawasanya sistem ataupun polisi Kerajaan tentang pengeluaran wang ringgit keluar negara adalah merupakan sistem bebas dan liberal yang bermakna wang ringgit Malaysia ini boleh mengalir keluar sebanyak mana yang boleh.

Tuan Yang Dipertua, pada pendapat saya agar merbahaya juga, itu sebabnya mengapa agaknya sejumlah besar wang ringgit Malaysia ini

mengalir keluar ke Hongkong kepada syarikat Carrian, Eda dan Caving Tsu Sdn Berhad oleh kerana Kerajaan tidak ada sistem ataupun polisi untuk mengawal jumlah wang ringgit Malaysia keluar daripada negara.

Maka pada hemat saya sudah sampai masa dan ketikanya pihak Kerajaan memikirkan semula tentang dasar ini agar keadaan sedemikian rupa tidak pula berlaku lagi di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang Dipertua, apabila kita membincangkan untuk mengubahsuaikan bank-bank yang ada di negara ini, kita memang sedar dan saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan yang mana setakat ini penglibatan dan ekuiti orang-orang Melayu dalam negara kita dalam sektor banking ini boleh dikatakan agak memuaskan seperti yang telah dilaporkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Tetapi satu perkara yang ingin saya tekankan di sini ialah dua buah bank yang besar yang ada bergiat dalam negara ini yang mendapat keuntungan yang sebegitu besar tahun demi tahun, iaitu yang saya maksudkan ialah Hongkong and Shanghai Banking Corporation, dengan izin, dan juga Chartered Bank, masih lagi setakat ini belum dapat direstructurekan, dengan izin, oleh pihak Kerajaan.

Walaupun kita sedar, kita faham, kita tahu bahawasanya kedua-dua bank tersebut telah pun sanggup dan menawarkan agar bank-bank mereka itu supaya diubahsuaikan mengikut kehendak Dasar Ekonomi Baru.

Saya ingin bertanya Kerajaan mengapakah kedua-dua bank ini tidak lagi diubahsuaikan? Jika dibandingkan dengan \$1.7 billion mengalir keluar negara mengapa pula untuk mengambil alih dua buah bank sebegitu baik keuntungannya, perjalanannya, pengurusannya tidak pula dibuat oleh Kerajaan?

Saya ingin mendapat jawapan secara yang jelas oleh kerana ini merupakan satu investment, dengan izin, yang baik di mana Kerajaan ataupun mana-mana agensi Kerajaan sepatutnya memberi keutamaan oleh kerana kedua-dua bank yang besar dan gergasi ini tentu akan mendatangkan keuntungan yang baik kepada agensi-agensi Kerajaan mahupun Kerajaan sendiri.

Perkara yang ketiga, yang ingin saya sampaikan di sini untuk mendapat penjelasan pihak Kementerian yang berkenaan ialah berkenaan dengan bank-bank tempatan yang mana kita lihat terlampau, dengan izin, profit orientated sangat sampaikan susah sekali rakyat-rakyat biasa untuk mendapat pertolongan ataupun pinjaman untuk menjalankan dan mengendalikan perniagaan-perniagaan mereka. Walhal orang-orang yang telah pun mempunyai banyak modal ataupun capital mudah sekali untuk mendapat pinjaman-pinjaman tertentu.

Bukanlah maksud saya untuk menyekat atau menghalang bank tersebut memberi pinjaman-pinjaman ataupun pendahuluan-pendahuluan kepada tokoh-tokoh ekonomi dalam negara, tetapi saya ingin menyarankan sepatutnyalah Kerajaan menentukan atau memikirkan untuk mensyaratkan bank-bank tempatan ini mengadakan satu tabung atau satu peruntukan khas untuk menolong kaum-kaum peniaga yang tidak begitu besar, yang saya maksudkan peniaga-peniaga kecil yang memerlukan pinjaman ataupun pendahuluan yang kecil-kecil sahaja, tidak bermillion-million ataupun berpuluh-puluh, ratusan million. Tetapi mungkin setakat \$10,000kah, \$50,000kah yang mana bank-bank patut juga dan tidak sangat mengirakan akan keuntungan, tetapi perlu juga service orientated, dengan izin, iaitu ada sedikit sebanyak semangat untuk menolong, membimbing, membangunkan syarikat-syarikat

ataupun peniaga-peniaga yang kecil ini yang mana ini merupakan satu dasar, iaitu dasar yang akan menolong bagi menjayakan Dasar Ekonomi Baru kita. Kalau dibiarkan bank dengan begitu bebas tentu sekali mereka tidak akan ingin menolong memberikan pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil, terpaksa Kerajaan untuk mengetatkan syarat ataupun mengujudkan undang-undang ataupun apa-apa syarat agar semua bank yang ada di negara ini mengeluarkan, menentukan suatu tabung khas demi untuk membantu dan menolong membiayai peniaga-peniaga kecil agar mereka sama turut dapat berjalan dan melaborkan serta membesarkan lagi peniaga-peniaga mereka.

Selain daripada itu, Tuan Yang Dipertua, kita amat kesal juga sehingga hari ini hanya beberapa buah bank sahaja yang sanggup menerima Tanah Rezab Melayu sebagai cagaran untuk mendapat pinjaman ataupun apa-apa pendahuluan daripada bank. Itupun bank-bank seperti Bank Bumiputra dan Malayan Banking yang mana hak miliknya boleh dikatakan kebanyakannya dipunyai oleh Kerajaan kita sendiri. Tetapi bank-bank yang lain itu kita nampak tidak pun mahu menerima Tanah-tanah Rezab Melayu sebagai cagaran. Inipun saya berpendapat pihak Kerajaan terpaksa mengetatkan lagi syarat agar bank-bank yang mahu berniaga di negara ini yang telah pun mencungkil untung demi untung, tahun demi tahun yang tidak dapat kita kira banyak mananya, memikirkan untuk menolong kaum bangsa Melayu ini yang mana telah jauh ketinggalan hinggalah kita khuatir datangnya tahun 1990 mungkin tidak dapat tercapai hajat kita untuk memperolehi 30% ekuiti dan ada ura-ura kemungkinan ianya akan ditangguhkan buat masa-masa yang lebih daripada itu.

Maka perkara-perkara seperti begini sepatutnya juga dapat dibuat oleh

Kerajaan agar ianya dapat dipercepatkan lagi orang-orang Melayu memperolehi modal atau capital untuk membuat perniagaan ataupun menambah ekuiti (share holding) mereka ataupun capital mereka dalam segi ekonominya.

Dan terakhir sekali, Tuan Yang Dipertua, bersabit juga untuk kita mempercepatkan orang-orang Melayu untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru, kita amat sedih sekali akhir-akhir ini dalam keadaan yang mana rakyat nampak ramai sedikit orang-orang Melayu yang begitu berkecimpung di dalam dunia perniagaan tetapi pihak bank pula dengan adanya keadaan untuk meramai, menambahkan lagi orang Melayu berniaga turut pula maengatur dan mengadakan berbagai-bagai sekatan ataupun memperketatkan lagi undang-undang untuk orang-orang Melayu mendapatkan sumber kewangan daripada bank, yang saya maksudkan ialah berkenaan dengan untuk mendapatkan pinjaman daripada bank dengan menggunakan harta yang ada pada orang Melayu iaitu harta tanah.

Sekarang ini pihak bank-bank memerlukan bukan sahaja tanah yang ada kepada orang Melayu untuk menjadikan cagaran tetapi dia mensyaratkan bahawasanya tanah itu mesti dimajukan dulu, mendapat keuntungan baru boleh dijadikan cagaran untuk mendapatkan pinjaman. Tetapi 10 tahun dulu ataupun mungkin 5-6 tahun dulu dan sebelum daripadanya syarat ini tidak pun diadakan. Dan kita sedar kadang-kadang bangsa-bangsa yang lain telah pun dapat mengumpulkan berjuta-juta ringgit dengan mencagarkan harta mereka kepada bank-bank dan menggunakan duit itu untuk berniaga, melabur, menambah harta-harta mereka hingga mewah, kaya-raya sampai menjadi multi-millionaire, billionaire dan sebagainya itu, tiba-tiba orang Melayu hendak berniaga, sudah

pandai berniaga sedikit, tiba pula sekatan-sekatan yang menyusahkan akan pengusaha-pengusaha Melayu untuk mendapat pinjaman bank walaupun ada setengah-setengah orang Melayu itu mempunyai tanah yang sedikit itu untuk digunakan sebagai cagaran.

Ini, Tuan Yang Dipertua, terpaksa pihak Kerajaan mengambil perhatian yang serius. Bukanlah maknanya semua Tanah-tanah Rezab Melayu itu boleh diberi, diambil kira sebagai cagaran. Di tengok, lihat keadaan tanahnya, siapa tuan punyanya, dan kita boleh buat pengecualian-pengecualian yang tertentu agar sekurang-kurangnya ini akan dapat membantu orang-orang Melayu menambahkan ekuiti mereka dalam dunia perniagaan ataupun menambah akan ekuiti mereka sebagai pemegang-pemegang tanah, harta dan juga wang ringgit yang boleh diperolehi daripada tanah-tanah yang tidak berguna itu. Saya percaya kalau pihak Kerajaan sanggup memikirkan masalah ini, banyak di antara orang-orang Melayu yang masih lagi ada tanah-tanah itu dapat menggunakan untuk dibuat sebagai cagaran untuk mendapat pinjaman menjalankan peniaga-peniaga dan tidaklah terdapat sekarang ini ramai orang-orang Melayu yang menjualkan tanah mereka dengan begitu sahaja pada orang-orang lain dan ini merugikan lagi orang-orang Melayu yang hanya mendapat peluang yang sebegitu rendah sekali, oleh kerana tidak dapat dijadikan cagaran dan orang-orang yang lain dengan mudah membelikan dan ini mengurangkan lagi milikan-milikan tanah oleh orang-orang Melayu, yang mana saya fikir amat merugikan dan mungkin juga ini adalah menyebabkan mengapa pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru itu sebegitu lembab.

Tuan Yang Dipertua, itulah sahaja tiga empat perkara yang ingin saya sampaikan pada petang ini dan

sesungguhnya saya seperti juga rakan-rakan saya yang lain itu turut bersama-sama menyokong penuh di atas pindaan Akta Bank 1973. Terima kasih.

5.42 ptg.

Puan Nen Abidah binti Abdullah:
Tuan Yang Dipertua, saya juga bangun bersama-sama untuk menyokong sesuatu Akta untuk meminda Akta Bank 1973.

Seksyen 24A iaitu Skim pindahmilik usaha atau harta suatu bank berlesen kepada suatu bank berlesen yang lain.

Tuan Yang Dipertua, saya juga merasa dukacita dan bersimpati dengan rakan-rakan saya yang lain yang telah mengemukakan rasa keciwa kita terhadap perkara-perkara yang berlaku seperti di Hongkong mengapa wang jumlah yang sebegitu besar yang telah dikeluarkan dan hancur dalam masa Kerajaan menyatakan bahawa kita sedang menghadapi ekonomi meleset. Rakyat juga tertanya-tanya kenapa Kerajaan begitu murah hati dan tidak berfikir panjang untuk memberi pinjaman pada mereka yang telah menghancurkan harapan Kerajaan dan kita masih belum boleh menjawab di atas pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan oleh rakyat di atas perkara-perkara yang berlaku, dan tindakan sewajarnya patut diambil pada mereka yang telah menumpaskan harapan Kerajaan. Rakyat keciwa harapan rakyat Malaysia terhadap peristiwa yang berlaku bukan sahaja pada pegawai-pegawai bank, tetapi kepada yang lain, ada sahaja anak-anak Bumiputera kita yang mereka hendak meningkat, maka mereka telah dimusnahkan, yang demikian mungkin ada udang di sebalik batu atau tidak dapat tanduk, telinga dipulas.

Tuan Yang Dipertua, dalam membincang Akta Bank ini iaitu saya tidaklah pandai menceritakan ataupun mengemukakan perkara-perkara yang

begitu besar, tetapi banyak perkara-perkara yang kecil, yang titik bengik, yang harus kita perbaiki supaya rakyat jelata ataupun orang-orang kita tertarik kepada bank kita iaitu Bank Bumiputera sendiri dan tidak pergi ke bank-bank yang lain.

Bank kita, Tuan Yang Dipertuas, kalau kita melihat bahawa perkara-perkara yang berlaku di bank misalnya Bank Bumiputera ramai di antara kita kadang-kadang yang putus asa terhadap apa yang telah dikatakan. Yang Pertama iaitu mohon pinjaman peniaga-peniaga kecil, pinjaman membeli teksi, pinjaman membeli rumah, pinjaman terhadap pelajaran dan apabila kita kemukakan kepada pihak bank, maka mereka menyatakan supaya kita meletak cagaran dan juga membuat iaitu peraturan-peraturan atau Kertas Kerja yang apabila dikemukakan kepada mereka haruslah mereka memberi pinjaman kepada yang memohon. Tetapi Kertas Kerja telah dibuat, pergi memohon kepada pihak bank, maka banyak sahajalah soal yang boleh membosankan kepada peminjam-peminjam untuk meminjam, maka sebab itu mereka tidak lagi mahu meminjam kepada bank. Anihnya pinjaman kepada finance adalah lebih senang daripada meminjam daripada bank, kerana harapan kita supaya Bumiputera meminjam kepada bank, untuk memajukan bank dan sebagainya. Jadi inilah yang telah kita kemukakan kepada rakyat, supaya rakyat memilih bank-bank, Bank Bumiputera misalnya untuk mereka meminjam, senang meminjam, dapat wang untuk kemudahan-kemudahan mereka, tetapi mereka tidak dapat dan kita rasa ini adalah satu perkara yang amat sulit jika difikirkan dan kita haruslah juga memberi kursus-kursus yang lebih mendalam kepada pegawai-pegawai bank ataupun kakitangan-kakitangan yang bekerja di Bank Bumiputera khususnya iaitu mereka kadang-kadang tidak dapat menerima ataupun

melayan orang yang datang untuk mengeluarkan dan memasukkan wang.

Pernah terjadi, Tuan Yang Dipertua, kalau hari Isnin dan hari Sabtu kita pergilah di bank, kalau Bank Bumiputera ramai kita tengok orang hendak mengeluarkan wang ataupun hendak memasukkan wang sehingga sampai keluar, kadang-kadang bank tutup pukul 3.00 petang, tetapi Bank Bumiputera dibuka sampai pukul 5.00 petang. Jadi ini adalah menyulitkan. Saya lihat mereka yang beranak kecil ada yang sakit pergi hendak mengeluarkan wang tidak dapat, daripada kaunter mengatakan pergi ke pintu No. 9, pergi ke pintu No. 10, yang sana pula kata pergi pintu No. 3, jadi sudah menimbulkan kemarahan. Ini perkara yang kecil sungguhpun perkara kecil menjadi perkara yang besar kepada orang-orang kita. Ada pernah berlaku iaitu seorang perempuan yang sudah berdiri begitu lama jatuh pengsan dan datang ambulan mengambilnya di bawa ke Rumah Sakit dan terus meninggal, itulah keadaannya. Dan di atas hal ini kita mesti memandang berat supaya berkehendakkan orang ramai lebih menyokong kepada pihak kita, ertinya pada pihak Bank Bumiputera dan mereka tidak lari kepada bank yang lain, jadi kita haruslah memberikan kekuatan ataupun memberikan satu pendorong kepada pegawai-pegawai di bank supaya mereka lebih melayan orang ramai atau lebih memberikan kemudahan kepada orang kita supaya mereka dapat kemudahan dan kesenangan daripada bank kita sendiri.

Seperti pinjaman, Tuan Yang Dipertua, iaitu apa yang menjadi kesusahan oleh kita ialah orang Bumiputera umpamanya hendak berniaga kecil-kecilan, hendak membeli teksi dan di sinilah timbulnya beberapa kepayahan, soal demi soal, maka pinjaman tidak juga diperolehi. Itulah yang menyebabkan bahawa orang kita terkadang-kadang merasa

bosan, tidak mahu lagi pergi kepada peminjam ke bank kita sendiri, pada hal kalau meminjam pada bank lain katanya mereka dapat kemudahan yang lebih, begitu juga kadar faedahnya, kalau pergi ke bank lain atau sepertimana bank-bank yang dikatakan oleh Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah tadi kita boleh mendapat faedah yang lebih daripada bank kita sendiri.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu, ahli pentadbir dalam bank kita sendiri mereka ini mungkin kadang-kadang merasa bosan agaknya orang ramai datang menemui mereka dan mereka tidak dapat memberikan layanan ataupun tidak dapat memberikan kata-kata yang boleh menarik ataupun yang tidak membosankan orang ramai.

Tuan Yang Dipertua, penerima-penerima pencen yang pada tiap-tiap bulan menerima di Bank Bumiputra yang mana saya suka mencadangkan supaya mereka ini dapat menerima di Pejabat-pejabat Pos adalah lebih memudahkan. Kadang-kadang mereka datang begitu jauh sehingga sehari suntuk yang belum dapat mereka keluarkan wang dan meninggalkan kerja di rumah, meninggalkan anak dan terkadang-kadang bawa anak sendiri dan sehari suntuk belum dapat mengeluarkan wang. Saya mencadangkan seperti demikian tadi kerana memandangkan kemudahan tersebut dapat dialami oleh mereka ini supaya mereka dapat menerima pencen-pencen mereka di Pejabat-pejabat Pos.

Tuan Yang Dipertua, pinjaman kepada membeli rumah atau membaiki rumah, saya rasa bagi pihak bank haruslah memberikan kemudahan kepada mereka kerana tidak ada lagi orang Melayu kita ini ataupun bumiputera kita yang hendak mengadu hal ataupun hendak meminjam selain daripada bank kita sendiri atau pergi kepada bank lain, kadang-kadang juga

mereka merasakan tidak percaya terhadap orang-orang yang tidak mempunyai apa-apa cagaran yang lebih tinggi. Oleh itu, kepada bank kita ataupun Bank Bumiputera diharap supaya dapat memberikan pinjaman membeli rumah, pinjaman membaiki rumah ataupun pinjaman pelajaran terhadap anak-anak. Setengah itu hendak memohon kepada MARA, begitu jugalah MARA kadang-kadang berkehendakkan itu dan ini, hendak ke sana, ke mari susah, eloklah diberi mereka ini pinjaman daripada Bank Bumiputra sendiri.

Tuan Yang Dipertua, saya tidaklah ada hujah-hujah yang lain untuk Rang Undang-undang Bank ini, dengan itu sekali lagi saya menyokong meminda Akta Bank, 1973.

Timbalan Yang Dipertua: Tak ada lagi? Saya minta Yang Berhormat menjawab.

5.52 ptg.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Kewangan ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada ke semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, saranan terhadap Rang Undang-undang yang sedang kita bincangkan ini.

Dalam pada itu, saya tidaklah berhasrat untuk memberi ulasan kepada semua perkara-perkara yang dikemukakan oleh kerana ada juga beberapa perkara walaupun penting, mustahak dan juga membina tetapi tidak begitu berkaitan rapat dengan Rang Undang-undang ini, maka saya tidak akan memberi ulasan terhadap cadangan-cadangan berkenaan. Namun demikian, demi kepentingan, kebaikan perjalanan bank-bank di negeri kita ini, pandangan-pandangan, saranan-saranan tersebut akan diambil perhatian, akan diambil kira dan dikaji dan kalau sekiranya cadangan-cadangan

ini dapat dipraktikkan, maka insya Allah, kita akan meminta pihak yang berkuasa menjalankan saranan-saranan tersebut.

Tuan Yang Dipertua, saya amat bersimpati dengan rakan Yang Berhormat Puan Nen yang telah jatuh sehingga meninggal dunia oleh sebab terlewat agaknya diberi layanan sewaktu hendak memasuk ataupun hendak mengeluarkan wang. Saya rasa soal kematian ini tak dapatlah saya hendak beri apa-apa nasihat, kerana kalau sudah sampai waktunya walaupun tengah makan pun meninggal dunia juga. Dan saya juga bersimpati dengan rakan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak yang mana terpaksa disaman, di bawa ke mahkamah oleh sebab perbuatannya yang begitu baik untuk memberi jaminan kepada seorang kawan di dalam usaha-usaha mendapatkan pinjaman. Walaupun mungkin perkara seperti ini telah berlaku, tetapi rasa saya perlulah saya tegaskan bahawa kebiasaannya bank ataupun pihak berkuasa bank tidak sewenang-wenangnya membawa sesuatu kes pinjaman yang tidak dibayar itu ke mahkamah demi menyenangkan untuk memperolehi balik wang yang dipinjamkan itu. Pada kebiasaannya bank hanya mengambil tindakan ataupun langkah-langkah tertentu untuk mendapatkan wang pinjaman ini melalui bank kalau sekiranya cara-cara lain sudah tidak ada lagi kepada bank bagi mendapatkan balik wangnya itu.

Oleh itu, kalau sekiranya terdapat bukti-bukti yang tertentu di mana sesebuah bank tanpa mengambil tindakan-tindakan wajar sebelumnya, tetapi sewenang-wenang terus membawa seseorang peminjam ke mahkamah untuk mendapatkan wang yang telah dipinjam, saya berharaplah supaya pihak Yang Berhormat dapat membawa kepada Kementerian Kewangan dengan bukti-bukti yang

jelas supaya boleh kita berunding dengan pihak bank yang berkenaan dan meminta supaya mereka tidak berbuat seperti yang dinyatakan tadi.

Kedua, beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyebut tentang terdapatnya, dengan izin, "under the counter payments" bagi mendapatkan pinjaman-pinjaman barangkali dengan mudah, barangkali tidak memerlukan cagaran dan sebagainya. Maka di sini saya merayulah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekiranya terdapat perkara-perkara seperti ini berlaku dan sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat boleh memberi bukti-bukti yang tertentu dan nyata tentang satu-satunya kejadian "under-the-counter payments" tadi kepada pihak Kementerian Kewangan supaya kita boleh mengambil tindakan lanjut yang sewajarnya.

Tuan Yang Dipertua, beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan perkara BMF di dalam membincangkan Rang Undang-undang ini. Memanglah kita dapati bahawa perkara ini amat digemari, bukan sahaja di Dewan yang mulia ini tetapi juga di lain-lain tempat rata-rata orang membincangkan tentang perkara BMF ini.

Minggu lepas saya telah memaklumkan sewaktu menjawab pertanyaan mulut di Dewan yang mulia ini bahawa kita tidak dapat memberi angka-angka yang sebenarnya oleh sebab larangan undangan, namun demikian saya telah menyatakan bahawa angkanya agak besar dan memeranjatkan. Oleh itu, kita juga telah memberi akuan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa penyiasatan yang rapi akan diadakan bagi memastikan supaya rakyat sekalian dapat mengetahui mereka yang bertanggungjawab.

Dalam pada itu, kita tidak bolehlah mengadakan siasatan ini dengan

tergesa-gesa takut kalau-kalau penyiasatan yang tergesa-gesa itu akan menganiayai mereka yang tidak bersalah dan bagi mereka yang bersalah barangkali terlepas dan ini sudah tentu akan menjadi perkara yang tidak baik. Akuan ini telah juga diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri bahawa penyiasatan yang rapi akan diadakan tetapi penyiasatan itu tidak akan dibuat dengan secara tergesa-gesa takut berlakunya seperti yang saya katakan tadi.

Menyentuh tentang perkara yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah Fadzil berkenaan dengan dua buah bank besar yang masih belum disusun semula. Sebenarnya, cadangan menyusun semula ini telah pun dikemukakan oleh kedua-dua bank tersebut kepada Bank Negara tetapi memandangkan kedudukan imbalan pembayaran negara pada ketika ini yang tidak begitu menggalakkan maka Kerajaan menganggap adalah wajar supaya penyusunannya ditangguh sedikit dahulu kerana takut dan bimbang kalau sekiranya rakyat Malaysia dipelawa membeli saham-saham misalnya maka akan melibatkan pengaliran matawang yang banyak dari negara ini ke negara di mana kedua-dua buah bank itu disyarikatkan ataupun kepada tuan punya bank-bank berkenaan. Dan kalau sekiranya perkara ini berlaku maka ini sudah tentu akan memburukkan lagi imbalan pembayaran negara yang seperti kita ketahui sekarang ini pun tidaklah begitu baik.

Dalam pada itu, penyusunan semula ini akan dikaji semula dan diteliti apabila keadaan kewangan negara bertambah baik supaya kedua-dua buah bank yang besar tadi akan disusun semula sejajar dengan kehendak negara kita di mana setidak-tidaknya

sebahagian daripada ekuiti di dalam bank tersebut dipunyai oleh orang-orang Melayu dan kaum bumiputera yang lain sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru. Walau bagaimanapun bank-bank asing termasuklah kedua-dua buah bank ini boleh menukarkan operasi-operasi mereka, operasi-operasi cawangan-cawangan mereka di Malaysia ini dengan menjadikan cawangan-cawangan tersebut sebagai bank-bank tempatan yang diperbadankan di negara kita ini apabila Akta (Pindaan) Bank 1973 ini diluluskan nanti dan ianya digazetkan menjadi undang-undang. Proses seperti ini dengan memperbadankan bank-bank asing ini di negara kita tidaklah akan melibatkan pengaliran matawang keluar tetapi di dalam waktu yang sama dapatlah melibatkan penyertaan rakyat Malaysia dalam pemilikan bank-bank tersebut.

Tuan Yang Dipertua, satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Senator Toh Muda Dr Fadzil ialah berkaitan dengan sekim khas bagi membantu peminjam-peminjam secara kecil-kecilan. Saya sukalah menarik perhatian Yang Berhormat Toh Muda kepada sekim pinjaman khas yang mana sekim ini memangnya telah diadakan demi membantu peniaga-peniaga kecil dengan hak pinjaman yang terhad dengan kadar faedah yang lebih rendah daripada kadar yang terdapat kalau sekiranya meminjam daripada bank-bank dengan keadaan biasa. Kalau sekiranya katalah pada hari ini kadar pinjaman bagi peminjam-peminjam biasa di antara 12% hingga 14% tetapi melalui sekim pinjaman khas ini seseorang yang layak itu boleh meminjam dengan kadar faedah 7% ataupun 7.5% demi kepentingan mereka.

Mengenai sistem kewangan yang liberal seperti yang disebutkan tadi, rasa saya perkara ini telah pun saya jawab di Dewan yang mulia ini kira-kira dua minggu yang lepas.

Yang Berhormat Senator yang berkenaan juga telah menyebut tentang keengganan bank-bank berkenaan selain daripada satu dua buah bank sahaja menerima Tanah-tanah Reserve Melayu sebagai cagaran.

Saya rasa ini adalah selaras dengan peraturan-peraturan pihak yang berkuasa berkaitan dengan tanah kerana tanah-tanah dalam Reserve Melayu ini tidak boleh dipunyai oleh lain-lain orang selain daripada orang-orang Melayu. Jadi barangkali mungkin dari segi bank sukarlah bagi mereka menerima tanah-tanah ini sebagai cagaran, kalau sekiranya berlaku perkara-perkara yang tidak diinginkan di mana tanah-tanah tersebut terpaksa diambil oleh sebab ianya telah dicagarkan. Tetapi kalau sekiranya bank berkenaan bukannya bank bumiputra ertinya kepunyaan orang Melayu, apatah lagi kalau bank itu bank asing maka barangkali pada pandangan saya sukarlah tanah berkenaan yang merupakan cagaran tadi dimiliki oleh bank. Maka itulah hanya beberapa bank sahaja boleh menerima Tanah-tanah Reserve Melayu sebagai cagaran untuk mendapatkan pinjaman-pinjaman pada waktu ini.

Tuan Yang Dipertua, perkara berkaitan dengan kemudahan kredit untuk membeli saham-saham di dalam Amanah Saham Nasional juga telah dibangkitkan. Setakat yang saya tahu kini sudah ada lima bank perdagangan yang mengadakan skim pinjaman bagi meminjamkan wang kepada orang-orang Melayu dan kaum-kaum bumiputera yang lain yang ingin membeli saham-saham di dalam Amanah Saham Nasional ini.

Dan setakat yang saya ketahui bank-bank ini sentiasa memberi pinjaman-pinjaman tersebut dengan syarat bank-bank berkenaan memikirkan bahawa peminjam itu berupaya membayar balik di atas pinjaman-pinjaman yang

dibuat. Sekiranya terdapat bank-bank berkenaan sengaja menyukarkan pinjaman ini sedangkan difikirkan wajar atau pun menasabah, peminjam itu berupaya membayar kembali pinjaman-pinjaman yang dibuat untuk membeli saham ini, saya berharaplah supaya pihak-pihak Yang Berhormat-Yang Berhormat berkenaan memberitahu Kementerian Kewangan supaya kita boleh berunding dengan pihak bank-bank supaya meluluskan pinjaman-pinjaman berkenaan untuk membeli saham-saham di dalam Amanah Saham Nasional.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa itulah sebahagian daripada perkara-perkara yang telah dibangkitkan, yang mana rasa saya dapat saya beri penjelasan dan bagi perkara-perkara lain yang telah dibangkitkan tetapi telah tertinggal dari segi ulasannya, saya inginlah memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan-cadangan ataupun saranan-saranan itu bahawa pandangan-pandangan mereka akan diteliti dan dikaji dan seperti saya katakan tadi di mana sesuai dan menasabah ianya akan dipertimbangkan untuk dilaksanakan di masa-masa yang akan datang. Maka dengan itu, saya ucapkan terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEJABAT POS (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.17 ptg.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yag Dipertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pejabat Pos 1947 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk memasukkan dalam Bahagian (III) selepas sahaja seksyen 14 A, suatu seksyen baharu 14 B kepada Akta Pejabat Pos 1947.

Pindaan ini adalah perlu untuk membolehkan Jabatan Perkhidmatan Pos mengadakan perkhidmatan *facsimile* bagi orang ramai di pejabat-pejabat pos dikenali sebagai "perkhidmatan telepost".

Telepost ialah satu perkhidmatan baharu yang akan disediakan di pejabat-pejabat pos. Di dalam perkhidmatan ini, pejabat pos akan menerima atau memungut dokumen daripada pengguna dan kemudian dokumen tersebut dihantar ataupun dengan bahasa Inggeris transmitted, menerusi sistem telekomunikasi kepada pejabat penerima. Di pejabat penerima salinan dokumen itu diserahkan oleh penghantar khas atau diambil sendiri oleh penerima ataupun dihantar dengan izin, transmit ke mesin *facsimile* persendirian penerima. Penerima akan dapat menerima bahan-bahan tersebut di dalam bentuk seakan-akan bahan fotostat.

Tuan Yang Dipertua, perkhidmatan telepos ini disediakan di pejabat-pejabat pos untuk kemudahan orang ramai khususnya pengguna-pengguna perseorangan dan firma-firma kecil yang tidak mampu memasang mesin *facsimile* sendiri. Buat permulaan perkhidmatan ini akan diadakan di beberapa Pejabat Pos Besar sahaja dan apabila ia telah menjadi popular ia akan diperluaskan ke semua pejabat-pejabat pos di seluruh negara. Perkhidmatan akan diadakan di dalam negeri dan luar negeri, insya Allah mulai awal tahun 1984. Sebagai satu perkhidmatan untuk orang ramai yang terdiri dari pengguna-pengguna kecil, Jabatan Pos akan cuba mengenakan bayaran berpatutan di mana kebanyakan penduduk dapat menggunakannya.

Tuan Yang Dipertua, dengan bermulanya perkhidmatan telepos maka hasrat Jabatan dan Kementerian untuk memperkenalkan perkhidmatan moden kepada orang ramai akan dicapai.

Tuan Yang Dipertua, pindaan yang seakan-akan ini kepada Akta Pejabat Pos 1947 adalah untuk membolehkan Jabatan Perkhidmatan Pos mengendalikan perkhidmatan telepos kepada orang ramai.

Saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis sekarang ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pejabat Pos, 1947 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

6.21 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin untuk turut membahaskan Akta Pejabat Pos (Pindaan) ini di dalam Dewan yang mulia ini.

Kita amat menyanjung tinggi hasrat dan cita-cita Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ini di dalam melaksanakan satu perkhidmatan baru yang dipanggil perkhidmatan telepos di mana seakan-akan bentuk telegram, saya pun tidaklah dapat memastikan kerana perkhidmatan ini dalam bentuk mana, tetapi tentulah lebih baik lagi daripada telegram kerana bahan-bahan dan maklumat yang akan dihantar oleh penghantar itu di dalam bentuk seakan-akan fotostat yang saya kira satu perkhidmatan yang amat baik dan perkembangan baru di dalam pembangunan negara kita.

Tuan Yang Dipertua, apa yang menjadi masalah ialah sekiranya Kementerian ini mempunyai hasrat untuk memperbaiki dan mewujudkan satu perkhidmatan yang baru, saya kira dengan keadaan-keadaan kekurangan kakitangan, kekurangan tenaga yang begitu ketara di dalam perkhidmatan pos ini, adalah lebih baik pihak Kementerian ini mempertimbangkan untuk mengatasi masalah yang sedia ada. Sebagai contoh, kita dapati di dalam keadaan kita yang begini maju dan berlumba-lumba untuk mempercepatkan perkhidmatan pos, masih terdapat kejadian-kejadian yang amat memalukan pihak Kerajaan di mana di dalam sebuah bandar kecil, pejabat pos yang wujud di tepi jalan raya tidak dapat menyampaikan sepucuk surat yang mustahak kepada penerima di mana pejabat pos itu yang hampir tak sampai setengah batu jauhnya daripada satu skim perumahan yang baru, bukanlah satu kawasan perumahan yang jauh di pendalaman yang tidak ada hubungan kereta langsung. Kejadian ini yang saya hendak contohkan, Tuan Yang Dipertua, berlaku di mana seorang lepasan SPM yang pada masa ini dahagakan pekerjaan telah memohon suatu pekerjaan di Bank Bumiputra dan dia mendapat surat panggilan temuduga itu. Sayangnya surat temuduga itu telah sampai ke tangan si

penerima pada sebelah pagi dan temuduga itu akan diadakan pada pukul 2.00 petang di Kuala Lumpur. Sedangkan jarak jauhnya rumah pemohon dengan Bank Bumiputra itu, jauhnya antara Kuala Lumpur dengan rumah tempat tinggal pemohon adalah 150 batu. Jadi adakah munasabah, seorang yang akan menghadiri temuduga di dalam hari yang sama mendapati suratnya itu telah tidak disampaikan hampir empat hari. Jadi kita amat takjub sekali.

Kemudian, apa yang menyedihkan lagi, pemohon itu telah berjumpa dengan tertentu, dengan pihak Bank Bumiputra dan pihak Bank Bumiputra telah begitu bermurah hati, bagi dia peluang sekali lagi untuk menghadiri temuduga. Kebetulan surat temuduga itu dihantar dengan 'Registered post'. Apa yang kita dapati, sekali lagi berlaku dengan tanda cop sampul surat itu menunjukkan penerimaan di Pejabat Pos katalah Pejabat Pos A, 28 haribulan tetapi disampaikan pada 31 haribulan, bulan yang sama di mana pemohon itu juga telah ketinggalan peluang di dalam temuduga yang kedua. Jadi saya kira sebelum kita "bermegah" ataupun menunjukkan yang kita berhasrat untuk menambahkan satu sistem, satu cara baru, maka cara-cara yang lama, kekurangan di Pejabat-pejabat Pos yang sedang berlaku hari ini, perlulah dikaji serentak sambil kita mewujudkan perkhidmatan yang baru.

Kejadian ini, Tuan Yang Dipertua, sekiranya pihak Kementerian ini berkehendakkan bukti-bukti yang lengkap, saya bersedia untuk mengemukakan bahan-bahan ini, bukan untuk apa-apa, tetapi sekiranya Pejabat Perkhidmatan Pos boleh membaiki keadaan-keadaan seperti ini dan tidak memalukan kepada Kerajaan kita di mana rakyat melihat sangat ketara, bahawa satu perkara yang mudah seperti ini sudah nampak cepak, bersih dan amanah itu tidak ada lagi.

Tuan Yang Dipertua, saya kira, saya ingin lagi membentangkan satu masalah di mana Pejabat Perkhidmatan Pos ini kurang mempunyai perhubungan dengan jabatan-jabatan lain. Peristiwa yang ketara ialah pembinaan gerai-gerai berhadapan dan menghalang Pejabat Pos Besar di Ipoh sebagai contoh. Pada satu masa pembinaan Pejabat Pos Besar di Ipoh itu telah tergendala oleh beberapa kejadian, barangkali kerana peruntukan ataupun kerana sistem kontrak dan berbagai masalah lagi dan pihak Perbandaran Ipoh di dalam rangkanya untuk menunjukkan dan juga untuk memajukan peluang-peluang perniagaan di kawasan-kawasan bandar Ipoh telah membina betul-betul gerai-gerai di tepi pintu hendak masuk ke Pejabat Pos Besar itu. Apalah salahnya jika pihak Perkhidmatan Pejabat Pos dan pihak berkuasa Perbandaran Ipoh itu dapat

berunding dengan lebih awal supaya tidak menjadi, dengan izin, "eye sore to the development". Pada hari ini Pejabat Pos Besar Ipoh akan membuka perkhidmatannya, pintu masuk ke pejabat itu semuanya telah dihalang oleh gerai-gerai ini. Apabila gerai-gerai ini hendak dirobuhkan, bangkangan kuat telah diterima daripada peniaga-peniaga di gerai tersebut.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada hari esok, oleh sebab masa sudah cukup.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 20hb Disember, 1983.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.